

BAB KEEMPAT

KATA NAMA DERIVASI KECIL

4.0. PENDAHULUAN

Kata Nama Derivasi Kecil mempunyai beberapa jenis , tetapi penulis cuma memfokuskan kepada tiga kata nama derivasi kecil sahaja iaitu Kata Nama Pelaku, Kata Nama Objek dan Kata Nama Perbandingan . Di samping itu penulis membincangkan secara umum tentang Kata Nama Derivasi Kecil yang lain seperti Kata Nama Adjektif Kekal , Kata Nama Hiperbola, Kata Nama Masa dan sebagainya .

4.1. KATA NAMA PELAKU (اسم الفاعل)

Kata Nama Pelaku adalah salah satu daripada urutan kata nama derivasi kecil dalam bahasa Arab. Kata nama ini adalah kata nama terbitan daripada kata sumber yang merujuk kepada pelaku sesuatu perbuatan, kelakuan atau merujuk kepada sifat pelaku. Misalnya (ضَارِبٌ) maknanya pemukul atau orang yang memukul. Ianya diambil daripada kata sumbernya iaitu (الضْرُبُ = الضْرُبُ) . Maka kaedah ini adalah menurut pandangan ahli-ahli linguistik Arab yang beraliran Basrah. Manakala ahli linguistik beraliran Kufah pula berpendapat bahawa setiap kata adalah berasal daripada kata kerja bukan berasal daripada kata sumber. Justeru itu perkataan (ضَارِبٌ) adalah

berasal daripada kata kerja (ضَرَبَ) dan bukan daripada kata sumber (ضَرَبَ). (Al-Anbāri, wafat 577H : 235 jld. 1)

Kehadiran KN Pelaku di dalam ayat adalah seperti di dalam contoh-contoh berikut :

ضَرَبَ مُحَمَّدٌ الْكَلْبَ

maksudnya : **Muhammad telah memukul anjing.** Ayat ini menunjukkan bahawa Muhammad itu adalah orang yang memukul (pemukul) yakni orang yang melakukan peristiwa pukul. Maka ayat ini boleh diubah menjadi :

ضَرَبَ الصَّارِبُ الْكَلْبَ = **Telah memukul oleh si pemukul akan anjing**
↓ ↓ ↓

KN Zat. KN Pelaku. KKkl.

Dalam ayat di atas menunjukkan bahawa si pemukul tidak disebut nama. Boleh jadi penutur tidak mengenali si pemukul.

Dalam contoh lain pula boleh dilihat KN Pelaku yang merujuk kepada sifat pelaku seperti :

مَاتَ الرَّجُلُ الْعَادِلُ = **Telah mati lelaki yang adil.**
↓ ↓ ↓
KN Pelaku KN Zat KKkl.

(الرَّجُلُ) (العَادِلُ) adalah KN Pelaku yang merujuk kepada sifat bagi ()

4.1.1 BENTUK-BENTUK KN PELAKU

Bentuk-bentuk KN Pelaku daripada kata kerja yang huruf asalnya tiga huruf (tiga fonem) yakni kata kerja tiga suku kata yang tidak berimbuhan dan ketiga-tiga suku kata itu bervokal pendek maka bentuk kata nama pelakunya ialah berwazan “ Fā ‘il (un) (فَاعِلٌ) bagi maskulin dan feminin pula ditambah “ tā’ ” (ة) menjadi “ Fā ‘ilat (un) (فَاعِلَةٌ) ”

contohnya :

Contoh KK	Wazan KK	Makna	KN Pelaku	Wazan KN Pelaku	Makna
ضَرَبَ	فَعَلَ	dia(L) telah pukul	ضَارِبٌ	فَاعِلٌ	yang memukul (L)
فَهِمَ	فَعَلَ	dia(L) telah faham	فَاهِمٌ	فَاعِلٌ	yang faham(L)
ذَهَبَ	فَعَلَ	dia(L) telah pergi	ذَاهِبٌ	فَاعِلٌ	yang pergi (L)
نَامَ	فَعَلَ	dia(L) telah tidur	نَائِمٌ	فَاعِلٌ	yang tidur(L)

Dibentuk KN Pelaku daripada KK yang triliteral (KK tiga huruf) adalah mengikut wazan (kata timbang) (فَاعِلٌ).

Contohnya :

KK		KN Pelaku
ضَرَبَ	→	ضَارِبٌ = Yang memukul
رَجَعَ	→	رَاجِعٌ = Yang pulang
قَتَلَ	→	قَاتِلٌ = Yang membunuh
جَلَسَ	→	جَالِسٌ = Yang duduk

Jika KK yang fonem tengahnya adalah terdiri daripada huruf vokal, maka ditukar huruf vokal itu dengan huruf hamzah (ء). Contohnya :

KK		KN Pelaku
قَالَ	→	قَائِلٌ = Yang berkata
نَامَ	→	نَائِمٌ = Yang tidur
بَاعَ	→	بَائِعٌ = Yang menjual

Jika fonem akhir KK terdiri daripada huruf vokal, maka hendaklah disingkirkan huruf vokal itu apabila ia hadir dalam bentuk KN Pelaku dan diganti dengan baris dua di bawah (genetif) (ئـ). Syarat itu dipatuhi apabila perkataan (KN Pelaku) tidak disertakan dengan partikel (الـ). Apabila ia disertakan dengan partikel (الـ) maka perlu dikembalikan huruf-huruf vokal itu. Begitu juga apabila ia hadir dalam bentuk akusatif, perlu didatangkan huruf vokal يـ (يـ) kembali.

Contoh-contohnya adalah seperti berikut : -

Bil	KK	KN Pelaku tanpa (ال)	KN Pelaku ada (ال)	KN Pelaku akusatif tanpa (ال)
01	رَمَى	رَامٌ	الرَّامِي	رَامِيًّا
02	دَعَا	دَاعٍ	الدَّاعِي	دَاعِيًّا
03	رَضِيَ	رَاضٍ	الرَّاضِي	رَاضِيًّا

Jika KK yang berganda huruf yang sama diakhirnya seperti (رَدَّ ، ضَلَّ ، شَدَّ) apabila ianya dibentuk menjadi KN Pelaku, hendaklah dikenalkan huruf gandaan itu sebagaimana yang asalnya. Contoh-contohnya adalah seperti berikut :

KK	KN Pelaku	Asalnya
رَدَّ	رَادٌ	رَادِدٌ
ضَلَّ	ضَالٌ	ضَالِلٌ
شَدَّ	شَادٌ	شَادِدٌ

Kesemua KN Pelaku yang berwazan (فَاعِلٌ) yang disebutkan di atas adalah terdiri daripada KK Trilateral transitif yang KK kala lampauya adalah berwazan Fa'ala (فعَلَ) dan Fa'ilah (فُعِلَّ) dan KK trilateral tak transitif yang KK kala lampauya berwazan Fa'ala (فَعَلَ).

Menurut Dr.Abdul Aziz Mohammad Fâkhîr (1993 : 26) menyatakan, KK tak transitif kala lampau yang wazannya Fa‘ila (فعل) dan Fa‘ula (فعل) tidak boleh dibentuk KN Pelakunya berdasarkan wazan Fâ‘il(un) (فاعل). Malah kalau adapun hanyalah sedikit sahaja berlaku di dalam bahasa Arab. Itu pun hanya *samâ‘î* semata-mata iaitu, ia didengari daripada sesetengah pertuturan orang-orang Arab sahaja dan tidak mematuhi kaedah yang telah dipersetujui oleh sarjana-sarjana linguistik Arab.

Contohnya seperti perkataan-perkataan berikut :

KK	KN Pelaku
سَلِيمٌ	سَالِمٌ
آمِنٌ	آمِنٌ
حَامِضٌ	حَامِضٌ

Dengan itu, KK triliteral tak transitif kala lampau berwazan Fa‘ila (فعل) dan Fa‘ula (فعل) boleh dibentuk menurut wazan-wazan berikut.

Contoh (1)

Bil.	KK	KT. KK	KN Pelaku	KT. KN Pelaku	Makna umum
01	فَرِحَ حَزَنَ	فَعِلَّ	فَرِحَ حَزَنَ	فَعِلُّ(Fa'il(un)) فَعِلُّ(Fa'il(un))	Makna umumnya ialah reaksi
02	شَبَعَ عَطَشَ	فَعِلَّ	شَبَعَانُ عَطَشَانُ	فَعَلَانُ(Fa'lān(un)) فَعَلَانُ(Fa'lān(un))	Makna umumnya ialah Penuh dan kosong
03	سَوِدَ حَمَرَ	فَعِلَّ	أَسَوْدٌ أَحْمَرٌ	أَفَعُلُ(Af'alu) أَفَعُلُ(Af'alu)	Makna umumnya ialah warna

Contoh (2)

Bil	KK	KT. KK	KN Pelaku	KT KN Pelaku
01	سَهْلٌ ضَخْمٌ	فَعْلٌ	سَهْلٌ ضَخْمٌ	فَعْلٌ
02	شَرْفٌ جَمْلٌ	فَعْلٌ	شَرِيفٌ جَمِيلٌ	فَعِيلٌ
03	بَطْلٌ حَسَنٌ	فَعْلٌ	بَطْلٌ حَسَنٌ	فَعْلٌ

Dalam contoh (1) KN Pelaku dibentuk daripada KK triliteral tak transitif yang berwazan Fa'ila (فَعِلَ), yang mempunyai tiga bentuk wazan utama yang

selalu dipakai di dalam bahasa Arab. Di mana pada setiap wazan mempunyai makna umum masing-masing.

Manakala di dalam contoh dua (2) KN Pelaku yang dibentuk daripada KK triliteral tak transitif yang berwazan Fa'ula (فعل) yang mempunyai wazan utamanya empat bentuk dan selalu dipakainya ialah Fa'l(un) (فعل) dan Fa'il(un) (فعل). Boleh dikatakan kesemua KK yang berwazan Fa'ula (فعل) adalah tak transitif dan bentuk-bentuk wazan KN Pelaku yang disebutkan itu tidak mempunyai makna umum yang khusus, cuma di dengari daripada pertuturan orang-orang yang menggunakan wazan itu menurut kesesuaian dengan perkataan yang tertentu.

4.1.2. BENTUK-BENTUK KN PELAKU DARIPADA KK BUKAN TRILITERAL

Cara membentuk KN Pelaku daripada KK yang bukan triliteral ialah dengan cara menghadirkan KK kala kini dan menukar huruf Al- mudhorat (المضارعه = iaitu huruf penambahan awalan kala kini) kepada huruf min (م) yang berbaris hadapan (↗), kemudian didatangkan baris di bawah (↘) sebelum huruf akhir. Contohnya seperti berikut :

Bil	Jenis KK	KKkl	KKkn	KN Pelaku
01	KK Empat huruf / fonem	قَاتِلٌ أَخْسَنٌ سَرَّعٌ كَحْرَجٌ	يُقَاتِلُ يُخْسِنُ يُسَرِّعُ يُدَحْرِجُ	مُقَاتِلٌ مُخْسِنٌ مُسَرِّعٌ مُدَحْرِجٌ
02	KK Lima huruf / fonem	تَقْدِيمٌ إِنْطَلَاقٌ إِنْتَصَرٌ تَنَافُسٌ تَدَحْرِجٌ إِحْمَرٌ	يَتَقْدِيمُ يَنْطَلِقُ يَنْتَصِرُ يَتَنَافَسُ يَتَدَحْرِجُ يَهْمَرُ	مُتَقْدِيمٌ مُنْطَلِقٌ مُنْتَصِرٌ مُتَنَافِسٌ مُتَدَحْرِجٌ مُهَمَّرٌ
03	KK Enam huruf / fonem	إِسْتَخْرَاجٌ إِخْلَوَاقٌ	يَسْتَخْرِجُ يَخْلُوقُ	مُسْتَخْرِجٌ مُخْلُوقٌ

4.1.3 CIRI-CIRI KN PELAKU

KN Pelaku mempunyai ciri-ciri sebagaimana berikut :

- Kata nama yang mempunyai makna kata kerja.
- KN yang boleh berfungsi sebagai kata sifat dan kata kerja .
- Boleh dijama'kan dengan *jama' al muzakkar al salim* (جَمْعُ الْمُذَكَّرِ) dan *jama' al takthir* (جَمْعُ التَّكْسِيرِ) dan *jama' al mu'annath al salim* (جَمْعُ الْمُؤَنَّثِ السَّالِمِ).
- Menerima fonem *alif lām* (ال لَّام) , huruf penambahan mim (م) awalan bagi KK bukan triliteral, huruf penambahan alif (ۑ) sisipan bagi KK triliteral dan menerima tanwin (baris dua) di akhir perkataan.

f- Menerima genus maskulin dan feminin.

4.1.3. PERBEZAAN ANTARA KN PELAKU DENGAN KATA KERJA

Perbezaan antara KN Pelaku dengan kata kerjanya adalah dapat dilihat seperti mana di dalam rajah yang berikut. Penulis memilih perkataan kata sumber (الضَّرِبُ) untuk melihat perbezaan antara KN Pelaku dengan kata kerjanya dari setiap sudut. Untuk memudahkan analisis, penulis memilih kata kerja kala lepas iaitu (ضَرَبَ) manakala KN Pelaku pula ialah (ضَارِبٌ).

Bil	Dari Sudut	KK (ضَرَبَ)	KN Pelaku (ضَارِبٌ)
1	Makna	memukul	yang memukul / pemukul
2	Masa / kala	lepas	lepas/kini/depan (tidak berkala)
3	Bilangan	satu	satu
4	Genus/jantina	maskulin	maskulin
5	Fungsi nahuau	transitif	transitif/tak transitif
6	Rujukan	orang ketiga	orang pertama/kedua/ketiga
7	Gantinama terpendam	dia (هُوَ)	dia/saya/kamu (أَنْتُ / أَنَا / هُوَ)
8	Kata timbang	fa 'ala(فَعَلَ)	Fā 'il(un) (فَاعِلٌ)
9	Bentuk	tak berimbuhan	daripada KK tak berimbuhan
10	Bentuk fungsi	aktif	aktif
11	Perkataan/kata	kata kerja	kata nama
12	Bilangan suku kata	tiga	tiga
13	Bentuk	tidak masuk(الـ)	masuk (الـ)

Contoh di dalam rajah di atas didapati KK dan KN Pelaku mempunyai titik-titik persamaan dan perbezaan. Kita lihat titik perbezaannya ialah mengenai kala, di mana KK (ضَرَبَ) hanya dikhususkan untuk kala lepas sahaja, manakala KN Pelaku (ضَارِبٌ) boleh dipakai untuk kala lepas kala kini dan kala depan berdasar kepada kedudukannya di dalam ayat.

Contoh :

1) Kala lepas = هُذَا ضَارِبٌ زَيْدًا أَمْسِ

Bermaksud : Ini ialah orang yang memukul Zaid kelmarin.

2) Kala kini = هُذَا ضَارِبٌ زَيْدًا الْآنَ

Bermaksud : Ini ialah orang yang memukul Zaid sekarang.

3) Kala depan = هُذَا ضَارِبٌ زَيْدًا غَدًا

Bermaksud : Ini ialah orang yang akan memukul Zaid esok.

Di dalam contoh-contoh di atas perkataan (ضَارِبٌ) hadir dalam tiga ayat yang berbeza. Ketiga-tiganya menunjukkan kala yang berbeza. Dalam contoh(1), ia menunjukkan kala lampau disebabkan kehadiran (أَمْسِ) di akhir ayat. Manakala dalam contoh (2), ia menunjukkan kala kini kerana kehadiran perkataan (الْآنَ) dan contoh (3), memberi makna kala depan kerana kehadiran perkataan (غَدًا). KK (ضَرَبَ) adalah berfungsi sebagai KK transitif. Di mana ia perlu kepada objek untuk melengkapkan ayat.

Contoh :

ضَرَبَ مُحَمَّدٌ زَيْدًا

Bermaksud : Muhamad telah memukul Zaid.

Dalam contoh di atas, ayat tidak akan lengkap kalau tidak dihadirkan objek iaitu (زَيْدًا). Manakala KN Pelaku (ضَارِبٌ) boleh berfungsi sebagai transitif dan tak transitif. Contoh KN Pelaku (ضَارِبٌ) yang boleh berfungsi sebagai transitif ialah seperti :

أَضَارِبُ مُحَمَّدٍ زَيْدًا

Bermaksud : Adakah Muhamad memukul Zaid

Di sini kita lihat KN Pelaku (ضَارِبٌ) berfungsi sebagai KN Pelaku transitif. Di mana ia boleh ditukargantikan dengan KK kala lepas (ضَرَبَ) atau KK Kala kini (يَضْرِبُ). Cuma yang menjadi perbezaannya, KN Pelaku seperti mana contoh di atas tidak mempunyai perkaitan dengan Kala. Pada pandangan penulis, ia memberi makna sifat sebagai pemukul, tetapi boleh berfungsi sebagai KK dari sudut sintaksis.

KN Pelaku yang kata kerjanya transitif tetapi menjadi tak transitif apabila ia hadir dalam bentuk KN Pelaku sebagaimana di dalam contoh berikut.

جَاءَ الضَّارِبُ 1)

Bermaksud : Telah datang seorang pemukul

مُوَحَّدٌ عَالِمٌ 2)

Bermaksud : Muhamad itu seorang yang alim

قُبِضَ عَلَى القَاتِلِ 3)

Bermaksud : Telah ditangkap pembunuh itu.

Perkataan (الْقَاتِلُ), (عَالِمٌ), (الصَّارِبُ) adalah kata nama-kata nama

Pelaku yang kesemuanya berasal daripada KK transitif, maka ia boleh berfungsi dalam bentuk KN Pelaku yang transitif jika mencukupi syarat-syarat yang tertentu. Tetapi di dalam contoh-contoh di atas, KN Pelaku itu tidak berfungsi sebagai KN Pelaku transitif kerana ia tidak menunjukkan makna berlaku sesuatu peristiwa (حدث) malah ia semata-mata membawa makna sifat kepada kata nama itu sendiri seperti yang terdapat di dalam contoh (1) **telah datang seorang pemukul**. Maksudnya, “**pemukul**” itu tidak perlu lagi kepada “apa” atau “siapa” yang dipukulnya, memadai dengan sifatnya sebagai seorang “pemukul”.

Dalam contoh (2) (عَالِمٌ) tidak berfungsi sebagai KN Pelaku transitif kerana ia hadir dalam bentuk KN Pelaku yang tidak membawa makna berlaku peristiwa, malahan ia menunjukkan makna “**seseorang yang Alim**” atau “**seorang yang mengetahui**”. Perkara yang **diketahui** tidak dijelaskan. Ini menunjukkan bahawa tidak ada “objek” yang khusus yang diketahui oleh Muhammad. Maka alim itu merupakan sifat yang ada pada Muhammad yang menunjukkan bahawa dia seorang yang banyak ilmu pengetahuan.

Dalam contoh (3), (الْقَاتِلُ) yang memberi makna seorang **pembunuhan** (L) adalah terdiri daripada KN Pelaku yang asalnya adalah terdiri daripada kata kerja transitif iaitu (قتل) yang sepatutnya perlu dihadirkan “objek” untuk menjadikan ayat yang sempurna. Begitu juga KN pelakunya adalah perlu kepada “objek” juga. Tetapi dalam konteks ayat ini KN Pelaku (الْقَاتِلُ) tidak perlu kepada objek disebabkan ia hadir dalam bentuk KN Pelaku yang membawa makna sifat kepada seseorang atau sesuatu benda yang tidak

membawa makna berlaku peristiwa. Dalam konteks ayat di atas **pembunuhan** itu seolah-olah sudah menjadi satu kata nama yang statik.

Dilihat dari sudut ganti nama terpendam, KKkl (ضَرَبَ) adalah untuk rujukan orang yang ketiga maskulin iaitu (هو = dia(M)), tetapi KN Pelaku (ضَارِبٌ) tidak mempunyai ganti nama terpendam yang tetap, malahan ia boleh digandingkan dengan ganti nama orang pertama (M) (أَنَا = saya(M)), ganti nama orang yang kedua (M) (أَنْتَ = kamu(M)) dan ganti nama orang ketiga(M) (هُوَ = dia(M)).

Contoh :

- 1- أَنَا ضَارِبٌ زَيْدًا = Saya orang yang pukul Zaid.
- 2- أَنْتَ ضَارِبٌ زَيْدًا = Kamu orang yang pukul Zaid.
- 3- هُوَ ضَارِبٌ زَيْدًا = Dia prang yang pukul Zaid.

Di dalam ketiga-tiga contoh di atas dapat dilihat KN Pelaku (ضَارِبٌ) boleh digandingkan dengan ketiga-tiga ganti nama samada untuk rujukan pertama, kedua dan ketiga. Maka ganti nama terpendam yang wujud pada KN Pelaku tersebut juga terdiri daripada ketiga-tiga ganti nama itu. Berbeza dengan KKkl (ضَرَبَ) mesti menerima perubahan apabila digandingkan dengan ketiga-tiga ganti nama itu.

Contoh :

- 1- أَنَا ضَرَبْتُ زَيْدًا = Saya (M / F) telah pukul Zaid.
- 2- أَنْتَ ضَرَبْتُ زَيْدًا = Kamu (M) telah pukul Zaid.
- 3- هُوَ ضَرَبْتُ زَيْدًا = Dia (M) telah pukul Zaid.

4.1.4 FUNGSI - FUNGSI KN PELAKU

KN Pelaku adalah kata nama derivasi kecil yang dibentuk daripada kata sumbernya melalui proses - proses dan kaedah - kaedah tertentu . Ia boleh bertindak sebagai pelaku atau subjek kepada kata kerja atau perbuatan yang dirujuk kepada kata dasarnya . Di samping ia merupakan kata sifat , ia juga mempunyai makna kata kerja . Dengan sebab itu , kontek tertentu ianya mempunyai fungsi yang sama dengan kata kerja , di mana ia boleh mengambil tempat dan menggantikan kata kerja di dalam pembinaan sesetengah ayat . Untuk melihat kedudukan KN Pelaku semada berfungsi atau tidak berfungsi sebagai KK boleh di lihat sebagainama berikut :

(1). KN Pelaku yang menyerupai KN Zat

Dalam hal ini, KN Pelaku boleh dibahagikan kepada dua bahagian :

- (a). KN Khas (*إِسْمُ الْعَلْمِ*) iaitu KN Pelaku yang dipinjamkan untuk dijadikan rujukan nama kepada manusia , tempat , dan lain - lain .

Contoh :

حَاجِبٌ ، يَاسِرٌ ، خَالِدٌ ، حَامِدٌ ، الْقَاهِرَةُ

Perkataan - perkataan di atas , adalah semata - mata dirujuk kepada nama seseorang iaitu Hajib , Yasir , Khalid dan Hamid . Begitu juga perkataan Al-Qahirat (*الْقَاهِرَةُ*) adalah dirujuk kepada tempat iaitu ibu negara Mesir . Peminjaman bentuk KN Pelaku tidak mempunyai sebarang makna dalaman

dan tidak bertidak sebagai pelaku kepada kata kerja yang dipinjamkanya . Jauh sekali untuk berfungsi sebagai kata kerja .

(b) Kata Nama Sifat

Kata Nama Sifat adalah kata nama yang melambangkan sifat , status atau kedudukan seseorang di dalam melakukan sesuatu tugas . Di nama KN Pelaku berfungsi dan dirujukan sebagai kata nama sifat .

Contoh :

KN Sifat / KN Pelaku

القاضي

الحاكم

Contoh dalam ayat

جَاءَ القَاضِي

الحاكمُ عَامِلٌ عَادِلٌ

Perkataan Al- Qādhi dan Al-Hākim di dalam ayat di atas adalah KN Pelaku yang menyerupai KN Zat dari sudut makna dan fungsi. Di nama KN Pelaku ini tidak berfungsi langsung sebagai pengganti kepada kata kerja. KN Pelaku (القاضي) hanya memberi makna padanan dalam bahasa Melayu sebagai orang yang bertugas sebagai “ kadi ” . Begitu juga dengan perkataan (الحاكم) yang memberi makna sebagai “ hakim ” iaitu orang yang menjatuhkan hukuman di dalam mahkamah .

(2). KN Pelaku yang menyerupai kata kerja (KK)

KN Pelaku ini adalah boleh dianggap sebagai kata kerja dari sudut tugas dan fungsi . Tetapi dari sudut rupa bentuk ianya merupakan kata nama . Untuk menentukan bahawa ianya berfungsi sebagai kata kerja hendaklah mempunyai

ciri - ciri dan syarat yang tertentu . Justeru itu akan diterangkan bahagian - bahagian KN Pelaku yang berfungsi sebagaimana fungsi KK dikaji dari sudut syarat - syarat dan ciri - cirinya serta kedudukan dan bentuk pemakaianya di dalam struktur ayat bahasa Arab . Keadaan itu terjadi apabila ia hadir dalam dua bentuk yang utama iaitu , apabila ia disertakan dengan alif lam (ال) dan tanpa alif lam (أ) .

(a). KN Pelaku yang disertakan dengan alif lam (ال)

Oleh kerana KN Pelaku digolongkan sebagai kata nama , maka ciri -ciri yang wujud pada kata nama , harus wujud juga pada KN Pelaku . Di antara ciri-cirinya ialah kemasukan penambahan (ال المؤصل) pada awal perkataan . Penambahan ini mempunyai fungsi - fungsi yang tertentu yang boleh mengubahkan bentuk - bentuk perkataan selepasnya menjadi akusatif dan nominatif . Apabila KN Pelaku yang dimasuki ال maka tidak terikat dengan syarat - syarat khusus yang dikenakan di atas KN Pelaku tanpa ال .

Contoh : (1). جاءَ الرَّجُلُ الْفَاضِلُ أَخْوَهُ

(Telah datang seorang lelaki yang mulia (teristimewa) saudaranya)

KN Pelaku ialah perkataan (الفَاضِلُ = yang teristimewa) , manakala perkataan (أَخْوَهُ = saudara) adalah pelaku kepada KN Pelaku (الفَاضِلُ).

Jadi KN Pelaku (الفَاضِلُ) telah menominatifkan perkataan (أَخْوَهُ).

Contoh : (2). يَجِبُ مُعَاقَبَةُ الْخَانِنِ وَطَنَهُ

(Hendaklah wajib (mesti) memberi Balasan terhadap orang

yang mengkhianati tanah airnya.)

Perkataan (وَكْنَ) menjadi objek dan telah dingakusatifkan oleh KN Pelaku (الخَاتِنُ) yang berfungsi sebagai KK.

Para sarjana linguistik Arab menyatakan bahawa KN Pelaku boleh berfungsi sebagaimana fungsi KK tanpa sebarang ikatan dan syarat, samada berkala lepas, kini dan akan datang (sesuai dipakai untuk semua masa) (Dr. mohammad Zainal Abidin Hassan Salāmat, 1984 : 54) . Contoh :

1 - Kala Lepas : جاءَ الضَّارِبُ زَيْدًا أَمْسِ

(Telah tiba orang yang telah memukul Zaid Kelmarin)

2- Kala Kini : جاءَ الضَّارِبُ زَيْدًا الْآنَ

(Telah tiba orang yang sedang memukul Zaid sekarang)

3- Kala Depan : جاءَ الضَّارِبُ زَيْدًا غَدًّا

(Telah tiba orang yang akan memukul Zaid esok)

Mereka berpendapat “alif lam” yang hadir pada KN Pelaku (الضَّارِبُ) itu adalah alif lam Al Mausulah (المَوْصُولَةَ) = Kata Penyambung) yang memberi makna (الَّتِي) , (الَّذِي) dan sebagainya. Di dalam contoh di atas, perkataan (ضَارِبٌ) boleh diganti dengan (يَضْرِبُ) atau (صَارِبٌ) yang memberi makna “telah pukul” atau “sedang pukul” dan akan “pukul”.

(b). KN Pelaku Tanpa Alif Lam (ال)

KN Pelaku tanpa alif lam (ال) mempunyai beberapa fungsi di dalam ayat. Ia boleh berfungsi sebagai kata kerja tetapi dengan beberapa syarat. Secara umumnya ia mempunyai dua syarat utama , iaitu :

- 1- ia memberi makna kala kini dan kala depan. Di mana KN Pelaku yang hadir dalam ayat itu boleh digantikan KKkn.

Contoh :

مَنْ يُكَنِّ الْيَوْمَ مُهْمَلًا عَمِلَهُ يَجِدْ نَفْسَهُ غَدَارِزِ رِزْقِهِ

(Sesiapa yang hari ini malas (cuai) bekerja , nescaya ia mendapati dirinya esok kehilangan rezekinya.) (Abbās Hassan, juzu' 3 , TT : 246).

Perkataan (مُهْمَلٌ = yang cuai) ialah KN Pelaku tanpa alif lam yang berkala kini disebabkan kehadiran perkataan (الْيَوْمُ = hari ini) . Ia boleh diganti dengan kata kerja kala kini (يُهْمِلُ = cuai) . Begitu juga perkataan (فَاقِدًا = yang hilang) yang berkala depan disebabkan kehadiran (غَدًّا = esok) boleh digantikan dengan KKkn (يَقْدُدُ = hilang)

- 2- KN Pelaku yang didahulukan dengan penafian , kata tanya , subjek dan kata nama yang disifatkan (مَوْصُوفٌ).

- 1- Contoh KN Pelaku yang didahulukan dengan penafian ,
مَا مُخْلِفُ عَهْدَ شَرِيفٍ

(Orang yang mungkir janji itu tidak mulia)

Dalam contoh di atas dilihat KN Pelaku tanpa (ال) yang didahulukan (ما = nafi / tidak) telah mengakusatifkan objeknya iaitu (عَهْدٌ = janji)

2- Contoh KN Pelaku yang didahulukan dengan kata tanya ialah :

أَتَارِكَ أَنْتَ عَمَلَكَ الَّذِي

(Adakah kamu meninggalkan kerja kamu sekarang)

Dalam contoh di atas didapati KN Pelaku tanpa (ال) yang didahulukan dengan kata tanya (أَ) yang telah mengakusatifkan objeknya iaitu (تَارِكٌ) Maka KN Pelaku (تَارِكٌ) boleh ditukarkan dengan KKkn (تَرْكُ)

3 - Contoh KN Pelaku tanpa (ال) yang didahulukan dengan subjek ialah :

الْفَلَاحُ حَلَّتْ ثَوْرَةُ الْأَرْضِ

(Peladang itu menggunakan lembu membajak tanahnya)

Dalam contoh di atas memperlihatkan KN Pelaku tanpa (ال) yang didahulukan dengan subjek (الفَلَاحُ) yang berfungsi sebagai kata kerja dan perkataan (ثَوْرَةُ) adalah pelakunya . Manakala (الْأَرْضُ) adalah objek kepada KN Pelaku tersebut.

4- Contoh KN Pelaku tanpa (ال) yang didahulukan dengan kata nama yang disifatkan ialah .

الْحَسْدُ نَارٌ قَاتِلَةٌ صَاحِبُهَا

(Hasad dengki itu merupakan api yang membunuh tuannya)

Di dalam contoh di atas, menunjukkan KN Pelaku tanpa (ال) yang didahulukan dengan kata nama yang disifatkan (موصوف) iaitu (نار) . Manakala (صاحب) adalah objek kepada KN Pelaku tersebut . Jadi, KN Pelaku tersebut telah berfungsi sebagai kata kerja .

Dengan contoh-contoh tersebut, maka memperlihatkan kepada kita bahawa KN Pelaku adalah boleh mengambil tempat kata kerja. Dengan sebab itulah ahli linguistik beraliran Kufah menyatakan bahawa KN Pelaku adalah terdiri daripada kata kerja. Mereka menamakan kata kerja ini dengan nama (الفعل الدائم) iaitu kata kerja yang tidak terikat dengan kala atau masa . (Dr. Muhammad Zainuddin Hassan Salāmat , 1984 : 71) .

4.1.5. KEDUDUKAN KN PELAKU DI DALAM AYAT

KN Pelaku mengambil berbagai tempat dan kedudukan di dalam ayat. Setiap kedudukan yang diambil di dalam ayat mempunyai fungsi dan tugas yang berlainan dari sudut i'rab (إعراب) dan makna. Pemakaian KN Pelaku di

dalam ayat bahasa Arab boleh dibahagikan kepada tiga tempat atau posisi yang utama. Iaitu sebagai tonggak ayat, sebagai sisipan dan sebagai pelengkap kepada ayat.

4.1.5.1. Sebagai Tonggak Ayat

Bentuk pemakaian KN Pelaku sebagai tonggak kepada ayat boleh dibahagikan kepada dua posisi yang utama, iaitu sebagai subjek (مُبَدِّلٌ) dan sebagai pelaku (فَاعِلٌ) dan sebagai pengganti pelaku (نَائِبُ الْفَاعِلِ).

a- Posisi Subjek

Kedudukan KN Pelaku sebagai Subjek dapat dilihat sebagaimana contoh di bawah :

- 1- القاضي يَحْكُمُ بِالْعَدْلِ = Kadi (hakim) itu menjalankan hukuman dengan adil.
- 2- الحاكمُ عَادِلٌ = Hakim itu seorang yang adil.

Di dalam dua contoh di atas, didapati KN Pelaku sebagai subjek yang menjadi kata tonggak kepada ayat, samada subjek yang predikatnya berbentuk ayat kerjaan (seperti dalam contoh (1)) atau kata tunggal (seperti dalam contoh (2)).

b- Posisi Pelaku (فَاعِلٌ)

Kedudukan KN Pelaku sebagai pelaku kepada kata kerja, boleh dibahagi kepada dua bentuk .

1- Ia menjadi pelaku kepada kata kerja yang sejenis dengannya.

Contoh :

a- عَلِمَ الْمُعَلِّمُ الدَّرْسَ = Telah mengajar oleh guru (M)

akan satu mata pelajaran.

b- صَرَبَتْ الضَّارِبَةُ الْكَلْبَ = Telah memukul oleh
pemukul (F) akan anjing.

Di dalam dua contoh di atas didapati المُعَلِّم = guru(M))telah menjadi pelaku kepada kata kerja yang sejenis dengannya, yakni KN Pelaku yang berasal daripada kata kerja itu sendiri. Manakala perkataan الضَّارِبَة (= pemukul(F)) adalah pelaku kepada kata kerja صَرَبَتْ (), yang dengannya KN Pelaku itu dibentuk.

2- KN Pelaku yang digandingkan dengan kata kerja yang berlainan jenis.

Contoh :

a- يَذْهَبُ الطَّالِبُ إِلَى الْمَدْرَسَةِ

= Sedang pergi oleh pelajar(M) itu ke sekolah.

b- أَكَلَتْ الْعَامِلَةُ الْأَرْزَ

= Telah makan oleh pekerja(F) itu nasi.

Di dalam kedua-dua contoh di atas didapati KN Pelaku (الطالب = pelajar(M)) dan (العاملة = pekerja(F)) menjadi pelaku kepada kata kerja yang bukan dari pada jenisnya.

c. Posisi Pengganti Pelaku (نَائِبُ الْفَاعِلِ)

Pengganti pelaku (نَائِبُ الْفَاعِلِ) ialah kata nama berkasus nominatif yang mengambil tempat pelaku (فَاعِلٌ) selepas ianya disingkirkan daripada ayat itu. Ia berlaku apabila objek di dalam ayat itu tidak diketahui pelakunya. Kata kerja yang digandingkan dengannya adalah kata kerja pasif. KN Pelaku juga boleh mengambil posisi pengganti pelaku yang menjadi tunggak dalam pembentukan ayat bahasa Arab.

Contoh :

أُعْطِيَ النَّاجِحُ جَانِزَةً = Telah diberi akan orang yang berjaya itu hadiah.

Perkataan (النَّاجِحُ) adalah KN Pelaku yang menjadi tonggak di dalam ayat itu kerana ia telah mengambil tempat pelaku yang asalnya adalah tonggak ayat itu dan (النَّاجِحُ) adalah objeknya, tetapi setelah pelaku disingkirkan, maka objek itu mengambil tempat pelaku.

4.1.5.2. Sebagai Sisipan Ayat

Pemakaian KN Pelaku sebagai sisipan ayat boleh berlaku dalam tiga kedudukan. Pertama, sebagai kata sifat kepada subjek. Kedua, sebagai kata sifat kepada pelaku dan ketiga, sebagai predikat.

a. Sebagai Kata Sifat Kepada Subjek

Kedudukan KN Pelaku sebagai kata sifat kepada subjek terbahagi kepada dua bentuk .

1. Kata sifat kepada subjek dan tidak berfungsi sebagai kata kerja.

Contoh :

الرَّجُلُ الْمُجْتَهِدُ كَرِيمٌ

(Lelaki yang rajin itu mulia)

Dalam contoh di atas menunjukkan KN Pelaku yang menjadi kata sifat yang berfungsi sebagai KK dan ia menjadi sisipan kepada ayat itu.

- 2- Sebagai kata sifat kepada subjek dan berfungsi sebagai kata kerja.

Contoh :

الرَّجُلُ الْفَاضِلُ أَخْوَهُ مَاتَ

(Lelaki yang mulia saudaranya telah mati.)

Dalam contoh di atas menunjukkan bahawa KN Pelaku yang menjadi sisipan di dalam ayat itu . Ia adalah merupakan kata sifat kepada subjek yang mempunyai fungsi kata kerja, di mana ia telah menominatifikkan pelakunya iaitu (أَخْوَهُ).

b. Sebagai kata sifat kepada pelaku.

Pemakaian KN Pelaku sebagai kata sifat kepada pelaku boleh dilihat dalam contoh berikut :

ذَهَبَ الْوَلَدُ الْمُجَتَهِدُ إِلَى الْمَدْرَسَةِ

(Telah pergi budak yang rajin itu ke sekolah)

4.1.5.3. Sebagai Pelengkap Ayat

Pemakaian KN Pelaku sebagai pelengkap kepada ayat sering berlaku dalam tiga kedudukan yang utama, iaitu sebagai *predikat*, sebagai *objek* dan sebagai *häl* (*keadaan*)

a. Sebagai predikat

Kedudukan KN pelaku sebagai predikat seperti mana dalam contoh ayat yang berikut :

(**الْطَّالِبُ مُجَتَهِدٌ**) = Pelajar lelaki itu seorang yang rajin.

Perkataan (**مُجَتَهِدٌ** = orang yang rajin) adalah KN Pelaku yang menjadi predikat kepada subjeknya, iaitu (**الْطَّالِبُ** = pelajar lelaki)

b. Sebagai Objek

Kedudukan KN Pelaku sebagai objek di dalam ayat itu dilihat sebagaimana di dalam contoh :

(**قَضَى الشَّرْطِيُّ القَاتِلَ**) = telah menangkap oleh polis akan pembunuhan. Perkataan (**الْقَاتِلُ** = pembunuhan) adalah KN Pelaku yang menjadi objek di dalam ayat tersebut, di mana ia merupakan pelengkap pada ayat itu.

c. Sebagai Häl (Keadaan)

Kedudukan KN Pelaku sebagai hal dalam ayat bahasa Arab dapat dilihat seperti mana contoh yang berikut :

(جَلَسَ مُحَمَّدٌ عَلَى الْكُرْسِيِّ نَائِمًا) = Muhamad telah duduk di atas kursi dalam keadaan tidur.

Dalam ayat di atas, didapati KN Pelaku (نَائِمًا = yang tidur) adalah mengambil tempat sebagai hal dalam ayat tersebut.

4.2 KATA NAMA OBJEK (اسْمُ الْمَفْعُولِ)

KN Objek (اسْمُ الْمَفْعُولِ) ialah KN yang dibentuk daripada kata kerja pasif, untuk menyatakan berlaku perbuatan di atasnya. Iaitu KN yang merujuk kepada sifat “Objek” bagi sesuatu perbuatan. Biasanya dibentuk KN Objek daripada KK Transitif, tetapi perlu memenuhi syarat-syarat dan kriteria-kriteria tetentu.

4.2.1. CARA-CARA PEMBENTUKAN KN OBJEK

a. KK Trilateral

1. Cara-cara pembentukan KN Objek daripada KK Trilateral adalah mengikut kata timbang (Wazan) Maf'ül(un) (مَفْعُولٌ)

Contoh seperti dalam rajah di bawah :

Bil.	KK Pasif	Kn Objek	Makna
01	سُمِعَ	مَسْمُوعٌ	Yang didengari
02	كُتُبَ	مَكْتُوبٌ	Yang ditulis / Yang tertulis
03	نُصَرَ	مَنْصُورٌ	Yang ditolong
04	وُعْدَ	مَوْعِدٌ	Yang dijanjikan
05	وُلُودَ	مَوْلُودٌ	Yang dilahirkan

Contoh-contoh di atas adalah terdiri daripada KK Trilateral Sālim (1) dan KK Trilateral yang mempunyai huruf Mu ‘tal (2) dihadapan (biasanya huruf *wau*).

2. Manakala KK yang mempunyai huruf vokal di tengah-tengah perkataan (KK Ajwaf) seperti huruf *wau* (و) maka perlu dilakukan pemindahan barisnya kepada huruf sebelumnya kemudian disingkirkan huruf *wau* (و) wazan KN Objek. Contohnya seperti dalam rajah di bawah :

Bil	KKkn	KN Objek	KN Objek	Makna
01	يَقُولُ	مَقْوُولٌ	مَقْوُولٌ	Yang dikata
02	يَلُومُ	مَلُومٌ	مَلُومٌ	Yang dicela / yang tercela
03	يَصُونُ	مَصْوُونٌ	مَصْوُونٌ	Yang dikawal / yang terkawal

Jika huruf tengah itu Mu‘tal *yā’* (ي) hendaklah disingkirkan barisnya kemudian **dikasrahkan** (baris bawah) huruf (fonem) sebelumnya. Selepas daripada itu hendaklah disingkirkan *wau* (و) wazan KN Objek, contohnya seperti berikut :

Bil.	KKkn	KN Objek	KN Objek	Makna
01	بِيْتُعْ	مَبْيُوْعُ →	مَبْيُوْعُ	Yang dijual
02	يَعْيِبْ	مَعْيُوبْ →	مَعْيُوبْ	Yang diaibkan
03	يَسِيلْ	مَسِيْلُ →	مَسِيْلُ	Yang dialirkan

3. Bentuk KN Objek Daripada KK Triliteral Mu ‘tal *Lām* (المَعْتَلُ الْلَّامُ)

a) Mu ‘tal Al Yā’

Jika KK Triliteral yang huruf akhir itu asal daripada huruf Yā’ (ي) seperti : يَرْضَى → رَضِيَ . يَرْمِي → رَمَى . يَنْهِي → نَهَى dan يَطْوِي → طَوَى maka hendaklah ditukarkan huruf wau (و) wazan KN Objek kepada huruf Yā’ (ي) kemudian dikasrahkan huruf sebelumnya contohnya dapat dilihat seperti dalam proses berikut :

KKkl	KKkn	Langkah 1	Langkah 2	Langkah 3	Langkah 4
نَهَى	يَنْهِي →	مَنْهُوْيِ →	مَنْهِيِّ →	مَنْهِيِّ →	مَنْهِيِّ →
رَمَى	يَرْمِي →	مَرْمُوْيِ →	مَرْمِيِّ →	مَرْمِيِّ →	مَرْمِيِّ →
رَضِيَ	يَرْضَى →	مَرْضُوْيِ →	مَرْضِيِّ →	مَرْضِيِّ →	مَرْضِيِّ →
طَوَى	يَطْوِي →	مَطْوُوْيِ →	مَطْوِيِّ →	مَطْوِيِّ →	مَطْوِيِّ →

b. Mu 'tal Wau (و)

Untuk membentuk KN Objek daripada KK Triliteral yang huruf (fonem) akhirnya ialah Alif tetapi pada asalnya adalah huruf wau seperti :

غَزَا → يَغْرُو

دَعَا → يَدْعُو

رَجَا → يَرْجُو

Cara Pembentukannya ialah mengidghamkan (menyerapkan) huruf wau (و) wazan KN Objek ke dalam huruf wau (و) akhir kata kerja. Contoh dapat dilihat seperti dalam rajah berikut :

KKkl	KKkn	Langkah 1	Langkah 2
غَزَا	يَغْرُو	مَغْرُوو	مَغْرُوو
دَعَا	يَدْعُو	مَدْعُوو	مَدْعُوو
رَجَا	يَرْجُو	مَرْجُوو	مَرْجُوو

b. KN Objek Daripada KK Bukan Triliteral

Secara umumnya kata kerja terbahagi kepada dua bentuk iaitu kata kerja triga huruf dan kata kerja bukan tiga huruf (bukan tiga fonem). Kata kerja yang tiga huruf sudahpun diperjelaskan sebelum ini, samada dari sudut pembentukan KN Pelaku atau KN Objek. Di sini penulis cuba memfokuskan pula KK yang bukan tiga huruf dan cara pembentukannya menurut kaedah - kaedah morfologi

Arab. KK bukan tiga huruf adalah terdiri daripada KK empat huruf (empat suku kata), lima huruf (lima suku kata) dan enam huruf (enam suku kata).

Para sarjana morfologi telah bersepakat menyatakan bahawa pembentukan KN Objek daripada KK bukan tiga huruf adalah berpandukan wazan KK kala kini (الفعل المضارع). Iaitu dengan cara menukar huruf Mudhara 'ah (أ ، ي ، ن) kepada huruf mim (م) berbaris hadapan (ضمة) dan huruf yang hadir sebelum huruf akhir hendaklah berbaris di atas (فتح). Contohnya dapat dilihat seperti perubahan di dalam rajah berikut :

Jenis KK	KKkl	KKkl	KKkn	KKkn	KN Objek
-	Aktif	Pasif	Aktif	Pasif	-
KK 4 huruf	أَغْلَقَ	أُغْلِقَ	يُغْلِقُ	يُغْلَقُ	مُغْلَقٌ
"	قَدَرَ	قُدْرَ	يَقْدِرُ	يُقَدِّرُ	مُقَدَّرٌ
"	فَاتَّلَ	فُوتَّلَ	يَفَاتِّلُ	يُفَاتِّلُ	مُفَاتِّلٌ
KK 5 huruf	إِكْتَسَبَ	اِكْتَسَبَ	يُكَتَّسِبُ	يُكَتَّسُ	مُكَتَّسٌ
"	وَانْطَلَقَ	وَانْطَلَقَ	يَنْطَلِقُ	يُنَطِّلِقُ	مُنَطِّلِقٌ
KK 6 huruf	إِسْتَخَرَجَ	اِسْتَخَرَجَ	يَسْتَخِرُجُ	يُسْتَخِرُجُ	مُسْتَخِرِجٌ

c.Wazan-Wazan KN Objek Yang Tidak Berkaedah (سَمَاعِيَّ)

Di sana terdapat beberapa bentuk atau beberapa wazan KN Objek yang tidak mematuhi kaedah atau peraturan (قِيَاسِيَّ) sebagaimana yang telah

ditetapkan. Terdapat empat wazan KN Objek yang masyhur, yang tidak mematuhi kaedah secara *qiasi*, di mana kesemuanya adalah terdiri daripada kata kerja triliteral. Wazan-wazannya ialah :

- 1) Fa 'il(un) (فَعِيلٌ)
- 2) Fi 'l(un) (فَعُلٌ)
- 3) Fa 'l(un) (فَعُلٌ)
- 4) Fu 'lat(un) (فَعْلَةٌ)

Kesemua wazan-wazan di atas adalah merangkumi jenis maskulin dan feminin, maka tidak perlu menambah huruf *tā'* (تَـ) untuk difemininkan

Wazan Fa 'il(un) (فَعِيلٌ)

Biasanya pemakaian wazan Fa 'il(un) hanya untuk perkataan yang tertentu sahaja, iaitu perkataan yang mempunyai makna yang berkaitan dengan risiko seperti peperangan dan lain-lain. Contohnya seperti di bawah :

جَرِيْحٌ (مَجْوُحٌ)	= terluka / yang dilukai / tercedera
قَتِيْلٌ (مَقْتُولٌ)	= terbunuh / yang dibunuh.
سَجِيْنٌ (مَسْجُونٌ)	= terpenjara / yang dipenjarakan
ذَبِيْحٌ (مَذْبُوحٌ)	= yang disembelih
أَسِيْرٌ (مَأْسُورٌ)	= yang ditawan / tawanan
طَرِيْدٌ (مَطْرُودٌ)	= yang dihalau / disingkir

Perkataan di dalam contoh di atas boleh dipakai untuk feminin dan maskulin, walaupun pada zahirnya bentuk perkataan di atas adalah maskulin berdasarkan kepada tanda-tanda yang menjadi pengkhususannya. Tetapi ahli-ahli bahasa Arab bersetuju mengharuskan penggunaan perkataan yang berwazan Fa 'il(un) (فَعِيلُ) untuk jenis feminin dengan dua syarat :

Syarat pertama, mesti wazan Fa 'il(un) memberi maksud yang sama dengan Maf 'ül(un) atau Maf 'ülat(un) bagi KN Objek yang berkaedah, yakni memberi makna kata nama Objek (Dr.Abdul Aziz Muhammad Fâkhîr, 1993 : 30). Contohnya seperti berikut :

هَذِهِ امْرَأَةٌ قَتِيلٌ = *Ini ialah perempuan yang terbunuh.*

Yang memberi maksud sama dengan

هَذِهِ امْرَأَةٌ مَقْتُولَةٌ = *Ini ialah perempuan yang terbunuh*

Kalau wazan Fa 'il(un) memberi makna sama dengan (KN Pelaku) maka tidak boleh dipakai untuk genus feminin. Contohnya ;

1) **رَحِيمٌ** = *yang pengasihani*, memberi makna sama dengan

رَاحِمٌ = *yang pengasihani*

2) **عَلِيمٌ** = *yang mengetahui*, yang memberi makna sama dengan

عَالِمٌ = *yang mengetahui*

Perkataan-perkataan di atas tidak harus dipakai sebagaimana di dalam contoh: (رَحِيمٌ) (امْرَأَةٌ عَلِيمٌ) (امْرَأَةٌ رَّحِيمٌ) (عَالِمٌ) dan memberi makna KN Pelaku.

Syarat yang kedua, ialah apabila tidak ada kesamaran berlaku dalam menentukan makna feminin (Ahmad Al Khaus, 1989 : 87)

Contohnya :

1) (هَذَا قَتِيلٌ) هَذَا رَجُلٌ قَتِيلٌ Ini seorang lelaki terbunuh

2) (هَذِهِ قَتِيلٌ) هَذِهِ اُمْرَأَةٌ قَتِيلٌ Ini seorang perempuan yang terbunuh.

Di dalam dua contoh di atas didapati (قَتِيلٌ) dipakai untuk maskulin dan feminin. Kita lihat tidak ada apa-apa perbezaan walau pun berlainan genus. Dari sudut makna (simantik) perkataan (قَتِيلٌ) dalam contoh (1) dan (قَتِيلٌ) dalam contoh (2) adalah berbeza berdasarkan kehadiran kata depan (رَجُلٌ) dan (اُمْرَأَةٌ) dan (هَذِهِ) dan (هَذَا). Dengan kehadiran kata depan ini boleh menghilangkan kesamaran atau kekeliruan pembaca dalam menentukan makna dari sudut genus.

Ini bermakna, kalau dibuang kata depan dalam komponan ayat di atas maka berlaku kesamaran dari segi genus, misalnya dalam contoh (2) disingkirkan komponan depannya iaitu (هَذِهِ) dan (اُمْرَأَةٌ) maka berlakulah kesamaran makna di antara maskulin dan feminin. Untuk menghilangkan

kesamaran hendaklah ditambah *tā'* (ةً) di akhir perkataan. Kerana *tā'* merupakan salah satu tanda genus feminin di dalam bahasa Arab. Contohnya :

- 1) هَذِهِ قَتِيلٌ = ini perempuan yang terbunuh
- 2) قَتِيلَةٌ = perempuan yang terbunuh.

Berdasarkan kepada dua contoh di atas, kita dapat melihat perbezaan di antara dua perkataan iaitu antara (قَتِيلٌ) dan (قَتِيلَةٌ) mempunyai maksud yang sama walaupun perbezaan bentuk kata.

Perlu dinyatakan juga dalam bahasa Arab dibenarkan penyingkiran subjek. Dalam konteks ini subjek yang menjadi kata depan (tonggak) iaitu perkataan (هَذِهِ) dalam contoh (2) telah disingkirkan, maka perkataan predikat (قَتِيلَةٌ) mesti ditambahkan *tā'* (ةً) untuk menghilangkan kekeliruan makna bagi pendengar.

4.3. KATA NAMA PERBANDINGAN (اِسْمُ التَّفْضِيلِ)

KN Perbandingan ialah KN yang menunjukkan sifat berlebihan pada salah satu antara dua benda. Kata timbangnya ialah “ Af ‘alu ” (أَفْعَلُ) contohnya seperti ;

الشَّمْسُ أَكْبَرُ مِنَ الْأَرْضِ

Maksudnya ; Matahari itu lebih besar daripada bumi

Perkataan “**أَكْبَرُ**” adalah KN perbandingan yang memberi erti lebih besar yang telah diderivasikan daripada kata sumbernya “**الْكَبْرُ**” - besar.

4.3.1. KATA TIMBANG (WAZAN) KN PERBANDINGAN.

KN perbandingan mempunyai dua kata timbang utama iaitu Af ‘alu (**أَفْلَعُ**) bagi maskulin dan Fu ‘lā (**فُعَلَىٰ**) bagi feminin.

Contoh :

Bil.	KK	KN Perbandingan (Maskulin)	KN Perbandingan (Feminin)	Makna
KT.	 فعل	أَفْلَعُ	فُعَلَىٰ	—
1	كَبْرٌ	أَكْبَرُ	كَبْرَىٰ	Yang lebih besar
2	كَثْرٌ	أَكْثَرُ	كَثْرَىٰ	Yang lebih banyak
3	عَظِيمٌ	أَعْظَمُ	عَظِيمَىٰ	Yang lebih besar
4	صَغِيرٌ	أَصْغَرُ	صَغِيرَىٰ	Yang lebih kecil

Terdapat tiga perkataan KN Perbandingan di dalam bahasa Arab yang telah disingkirkan hamzah (**إِ**) imbuhan awalan iaitu ;

- 1- **خَيْرٌ** (yang lebih baik)
- 2- **شَرٌّ** (yang lebih jahat)
- 3- **حَبٌّ** (yang lebih kasih)

خَيْرُ النَّاسِ مَنْ يَنْفُعُ النَّاسَ

Contoh (1) Maksudnya : Orang yang paling baik ialah orang yang boleh memberi manfaat kepada manusia.

شَرُّ النَّاسِ الْمُفْسِدُ

Maksudnya : Manusia yang paling jahat ialah manusia perosak

(3) Kata-kata penyair :

مُنِعَتْ شَيْئاً فَأَكْثَرْتَ الَّوْلُوعَ بِهِ # وَحَبْ شَيْئٍ إِلَى الْإِنْسَانِ مَامِنْعَا

Maksudnya : Semakin kamu ditegah daripada sesuatu, semakin kamu cenderung (kasih) kepadanya. Perkara yang paling dikasihi manusia ialah perkara yang ditegah.

Ketiga-tiga perkataan yang terdapat di dalam contoh-contoh di atas adalah KN Perbandingan yang disingkirkan hamzah imbuhan awalan. Perkataan (خَيْرٌ) dan (شَرٌّ) banyak tersebar di dalam bahasa Arab tetapi perkataan (حَبٌّ) jarang-jarang berlaku dan jarang digunakan. Kebanyakan penutur menggunakan kata penuh (أَحَبُّ) di dalam pertuturan mereka (Mustafa Al-Ghalāyīni, 1987 : 194).

Mengikut Abbās Hassan (TT. jld.3 : 396) mengatakan bahawa ketiga-tiga perkataan itu adalah janggal (شَذْ) kerana ia tidak dibentuk menurut kaedah yang asal. Walaubagaimanapun ia meluas dipakai di dalam bahasa Arab.

4.3.2. SYARAT - SYARAT PEMBENTUKAN KN PERBANDINGAN

Ahli - ahli morfologi Arab secara majoriti telah menetapkan kata kerja yang tertentu sahaja yang boleh dibentuk KN perbandingan(Dr. Gharīb Abdul Majid Nāfi‘, 1987 : 87). Di antara syarat-syarat kata kerja yang boleh diterbitkan KN perbandingan ialah sebagaimana berikut :

4.3.2.1. KK itu mesti terdiri daripada KK triliteral

Iaitu KK yang mempunyai tiga suku kata bervokal pendek seperti perkataan (**لُكْكَ**).

Maka setiap KK yang lebih daripada tiga suku kata tidak boleh dibentuk KN perbandingan seperti perkataan (نَطَّلَقَ) (نَحْرَجَ) dan sebagainya. Walau bagaimana pun terdapat juga perselisihan pendapat ahli morfologi Arab mengenai dengan harusnya dibentuk KN Perbandingan daripada KK triliteral yang berimbuhan awalan dengan satu huruf iaitu huruf **hamzah** (أْ) yang kata timbangnya ialah “ Af ‘ala ” (أَفْعَلَ). Pendapat ini telah dipersetujui oleh Sibawaih sendiri yang mana beliau adalah ahli linguistik Arab yang terunggul. Pendapat ini juga telah diperkuat dengan hujah yang mengatakan bahawa banyak terdapat dalil-dalil daripada pertuturan orang-orang Arab dan juga terdapat di dalam Al-Qur’ān.

Contohnya seperti orang-orang Arab berkata :

١- هذه الليل أظلم من سايتها

(Malam ini lebih gelap daripada malam sebelumnya)

Perkataan (أَظْلَمُ) adalah KN perbandingan yang diambil daripada kata kerjanya (أَظْلَمْ).

Firman Allah (s.w.t.) ;

2- ذِكْرُمْ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ^{۲۰} (Al Baqarah : 282)

Maksudnya :(Yang demakian itu terlebih adil pada pandangan Allah)

Berdasar kepada hujah-hujah ini dan di samping kata-kata yang tersebar di dalam pertuturan orang-orang Arab, maka golongan ini berpendapat harus diterbitkan KN perbandingan daripada KK triliteral berimbuhan awalan satu fonem. Pendapat mereka berdasarkan kepada ia tidak banyak berlaku perubahan dan penyingkiran huruf pada KN Perbandingan tersebut. (Dr. Gharīb Abdul Majīd Nāfi‘, 1987 : 90).

4.3.2.2. KK itu hendaklah terdiri daripada KK sempurna (الفعل التام).

Maka tidak harus dibentuk KN perbandingan daripada KK tak sempurna (كَانَ) (الفعل الناقص) seperti kānā (كَانَ) dan saudara-saudaranya. Contoh KK sempurna ialah (كَرُّمٌ) dan contoh di dalam ayatnya ialah (أَنْتَ أَكْرَمُ مِنْ أَخِيكَ) maksudnya : Engkau lebih mulia daripada saudara engkau.

4.3.2.3. KK itu mesti terdiri daripada KK inflektif (المُتَصَرِّفُ).

KK inflektif ialah KK yang boleh berubah-ubah mengikut wazan-wazan (kata timbang) tertentu di dalam bidang morfologi. Maka tidak boleh dibentuk KN perbandingan daripada KK statik (بِنْسَ seperti perkataan نَعَمْ, لَيْسَ, عَسَى), kerana perkataan-perkataan ini tidak mempunyai kata sumber.

Mengikut Jumhūr (majoriti) di kalangan ahli morfologi bahasa Arab menyatakan bahawa tidak boleh dibentuk KN perbandingan daripada KK yang tidak sempurna infleksinya seperti perkataan (يَذْرُ) dan perkataan (يَدْعُ) (Dr. Gharib Abdul Majid Nāfi ' , 1987 : 92)

4.3.2.4. KK itu mesti terdiri daripada KK yang boleh menunjukkan perbandingan (قَابِلٌ لِلمَفَاضَةِ).

Maka tidak boleh dibentuk KN perbandingan daripada KK yang tidak boleh dibandingkan seperti perkataan (مَاتَ = mati, dan فَنَى = binasa), maka tidak harus diungkapkan (سَعِيدٌ أَمْوَاتُ مِنْ خَالِدٍ) maksudnya : Said lebih mati daripada Khalid. (Syekh Mustafa Ghālāyīni, Juzu' , 1987 : 194)

4.3.2.5. KK yang hendak dibentuk KN perbandingan mesti terdiri daripada KK Aktif (مَبْنِي لِلْمَعْلُومِ).

Maka tidak boleh dibentuk KN perbandingan daripada KK Pasif (مَبْنِي لِلْمَجْهُولِ) seperti di dalam contoh berikut.

1. فُهِمَ الْكِتَابُ = difahami kitab itu .

2. عُلِمَ الْخَبَرُ = diketahui berita itu

Di dalam contoh-contoh di atas, ditegah membina KN perbandingan daripada kata kerja-kata kerja tersebut kerana ia merupakan KK pasif.

Walaubagaimanapun terdapat juga sesetengah pendapat ahli morfologi mengharuskan perkataan KN perbandingan dibentuk daripada KK Pasif jika tidak berlaku kesamaran dan kejanggalan di dalam pembentukan ayat. Mereka telah mengambil beberapa contoh daripada ayat Al-Quran dan Al-Hadith. Seperti perkataan (أَحَبَّ) daripada ayat Al-Quran dan Al-Hadith. Seperti perkataan (حُبَّ) daripada KK Pasif (أَعْضُ) dan perkataan (بُغْضُ) daripada KK Pasif (بُغْضُ)

Contoh :

1. Firman Allah (S.W.T.)

(إِذْ قَالُوا لِيُوسُفَ وَأَخْوَهُ أَحَبُّ إِلَيْنَا مِنَّا، وَنَحْنُ عُصْبَةٌ)

(surat Yusof : ayat : 8)

Maksudnya : (Kisah itu bermula) ketika saudara-saudara Yusof berkata sesama sendiri : “Sesungguhnya Yusof dan adiknya, lebih disayangi oleh bapa kita daripada kita, pada hal kita ini satu kumpulan yang ramai dan berguna.

2. Sabda Rasulullah (S.A.W.)

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبًّا إِلَيْهِ مِنْ وَلَدِهِ وَوَالِدِهِ وَالنَّاسِ
أَجْمَعِينَ

Maksudnya : Tidak beriman seseorang kamu sehingga adalah aku menjadi orang yang paling dikasihi baginya lebih daripada anaknya dan bapanya serta manusia seluruhnya

3. Sabda Rasulullah (S.A.W)

(أَبْغَضُ الْحَالَلِ إِلَى اللَّهِ الظَّالِقُ)

Maksudnya : Yang peling dibenci perkara halal di sisi Allah ialah talak .(Dr. Gharib Abdul Majid Nafī ,1987 : 94).

4.3.2.6, KK yang hendak dibentuk KN perbandingan mesti terdiri daripada KK Positif (المُثبَّت).

Maksud positif di sini ialah KK yang bukan negatif. KK negatif ialah KK yang digandingkan dengan partikel-partikel penafii seperti (ما) dan sebagainya. Maka tidak boleh sama sekali dibentuk KN perbandingan daripada kata kerja-kata kerja tersebut.

Contohnya :

1. مَا عَاجَ بِالدَّوَاءِ

Maksudnya : Tidak berguna ubat itu

2. مَا نَجَحَ الْكُسَلُكِنِ

Maksudnya : Tidak berjaya orang yang malas itu.

Perkataan (عَاجٌ) dan (مَانِجَحٌ) di dalam contoh di atas adalah KK negatif. KN perbandingan tidak boleh dibentuk daripada KK tersebut kerana boleh menyebabkan berlaku kekaburuan makna antara KK positif dan KK negatif dan ayat juga menjadi janggal. (Dr. Gharib Abdul Majid Naf'i', 1987 : 93).

4.3.2.7, KK yang bukan bermaksud warna, perhiasan dan kecacataan.

Tidak boleh dibentuk KN Perbandingan daripada KK yang kata sifatnya berwazan af 'alu (أفعُل). Biasanya KK jenis ini terdiri daripada KK yang merujuk kepada makna warna, perhiasan dan kecacatan. Contohnya :

Warna : أبيض (yang putih)
أحمر (yang merah)

Perhiasan : **أَكْلُ** (yang bercelak mata)

أَدْعُوج (yang hitam mata)

Kecacatan : **أَعْوَرٌ** (yang buta sebelah mata)
أَحْوَلٌ (yang mata juling)

KK yang kata sifatnya berwazan seperti mana di atas adalah di-tegah membentuk KN Perbandingan secara terus kerana ianya boleh berlaku kekeliruan dengan KN Perbandingan yang juga berwazan af 'alu (أَفْعَلُ).

4.3.2.8. KN Perbandingan yang hendak dibentuk mesti terdiri daripada perkataan atau KK yang mempunyai kata sumber (Dr. Ghariib Abdul Majid Nati' ,1987 : 89).

Contohnya seperti perkataan (الْأَضْرَبُ) diambil daripada (ضَرَبَ) yang kata kerjanya dan perkataan (الْعُلَمَىٰ - الْأَعْلَمُ) diambil daripada (عَلِمَ) yang kata kerjanya (عَلَمَ) dan begitulah seterusnya.

Manakala perkataan yang merujuk kepada kata nama zat (konkrit) seperti perkataan (الْيَدُ = tangan) atau (الرِّجْلُ = kaki) tidak boleh dibentuk KK Perbandingan kerana ia tidak mempunyai kata kerja dan tidak menunjukkan perbandingan.

4.3.3. PEMBENTUKAN KN PERBANDINGAN YANG TIDAK MENCUKUPI / MENEPATI SYARAT.

Untuk membentuk KN Perbandingan secara langsung mesti memenuhi syarat-syarat seperti mana yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, boleh

juga dibentuk KN perbandingan daripada KK yang tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan itu. Bagi membentuk KN perbandingan daripada KK tersebut disarankan supaya didatangkan perkataan-perkataan tertentu yang berwazan (أَفْعَلُ) seperti (أَشَدُ = lebih kuat, أَقْلُ = lebih sedikit, أَكْثَرُ = lebih banyak, أَضْعَفُ = lebih berganda) dan sebagainya. Kemudian didatangkan kata nama atau kata sumber akusatif yang hendak dibandingkan.

Dr. Gharib Abdul Majid Nafī‘ (1987 : 96), telah mengkategorikan perkataan yang tidak mencukupi syarat untuk dibentuk KN perbandingan secara langsung kepada empat bahagian iaitu ;

4.3.3.1. Perkataan Yang Tidak Bercirikan Kata Kerja.

Perkataan-perkataan yang tidak bercirikan kata kerja iaitu kata nama - kata nama seperti (الْإِنْسَانُ = manusia), (الشَّخْصُ = seseorang), (الْفُرُوسِيَّةُ = kepahlawanan), (الْوَحْشُ = kolot) dan sebagainya.

Apabila dijadikan perbandingan daripada KN (الْإِنْسَانُ) dan lain-lainnya maka hendaklah digandingkan dengan perkataan (أَكْثَرُ = yang bermaksud lebih banyak) atau mana-mana perkataan yang sesuai dengan perkataan itu.

Contoh :

أَكْثَرُ إِنْسَانِيَّةً « (الْإِنْسَانُ) (۱)

Maksudnya : lebih banyak kemanusiaan.

أَقْوَى سَخْصِيَّةً « (الشَّخْصُ) (2)

Maksudnya : Lebih kuat keperibadian

أَشَدُ وَحْشَيَّةً « (الوَحْشُ) (3)

Maksudnya : Lebih liar (lebih tidak maju)

أَبْرَزُ فُرُوسِيَّةً « (الفُرُوسِيَّةُ) (4)

Maksudnya : Lebih menonjol kepahlawanan

أَقْلُ هَمْجِيَّةً « (الْهَمْجُ) (5)

Maksudnya : Lebih sedikit keklotan.

4.3.3.2. Kata Kerja Bukan Triliteral dan Lain-lainnya.

Kumpulan ini ialah terdiri daripada kata kerja bukan triliteral, KK tak sempurna (الفِعْلُ النَّاقُصُ) dan KK yang kata sifatnya berwazan

(أَفْعُلُ) (M) dan (فَعْلَاءُ) (F). Kesemua KK tersebut boleh dibentuk KN perbandingan dengan cara merujukkan kembali kepada kata sumbernya yang asal (المَصْدُرُ الصَّرِيحُ). Berkasus akusatif, berdasarkan kedudukannya sebagai pembeza/penjelas (التَّمْيِيزُ). Kemudian dihadirkan kata sifat bantu (وَضْفُ) (التَّمْيِيزُ). Contohnya sebagaimana di dalam rajah berikut :

Bil	Jenis	Kata Kerja	Kata Kerja perbandingan di dalam ayat
1	KK bukan literal	استَخْرَجَ (mengeluarkan)	<u>أَشَدُّ اسْتَخْرَاجًا لِلْمَعْلُومَاتِ</u> (lebih mengeluarkan maklumat)
2	KK tak sempurna	صَارَ (jadi)	<u>أَسْرَعُ صَيْرَوْرَةً إِلَى الْخَيْرِ</u> (Menjadi lebih cepat untuk kebaikan)
3	KK yang kata sifatnya berwazan (أَفْعَلُ) merujuk kepada warna	بَيْضَ (puteh)	<u>أَنْصَعُ بَيْضًا مِنَ النَّجْحِ</u> (lebih puteh daripada salji)
4	KK yang kata sifatnya berwazan (أَفْعَلُ) merujuk kepada kecacatan.	عَوْرَ (buta sebelah mata)	<u>أَوْضَحَ عَوْرًا مِنَ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ</u> (lebih buta(sebelah mata) dari pada Dajjal)

4.3.3.3. Kata Kerja Negatif dan Kata Kerja Pasif

- a. Untuk menerbitkan KN perbandingan daripada KN negatif boleh dilakukan dengan cara menghadirkan kata sumber asli (المَصْدُرُ) (الإِنْتِفَاءُ) (الْعَدْمُ) (الصَّرِيقُ) disandarkan dengan perkataan yang digandingkan dengan kata sifat bantu (الوَصْفُ الْمُسَاعِدُ) yang sesuai.

Contoh :

Bil	Kata Kerja Negatif	Kata Nama Perbandingan
1	(مَا حَكِمَ زَيْدٌ) (Zaid tidak menghukum)	(زَيْدٌ أَبْرَزَ النَّاسَ اِنْتَفَاعَ حُكْمٍ) (Zaid ialah orang yang paling tidak menghukum)
2	(مَا فَهِمَ عَلَيْ) (Ali tidak faham)	(عَلَيْ أَكْثَرِ النَّاسِ دُمْ فَهِمٌ) (Ali adalah orang yang paling tidak faham)

b. Manakala KK Pasif (المبني لل مجرور) pula boleh dicipta KN perbandingan dengan cara menghadirkan kata sumber asli yang berkasus akusatif yang didahulukan dengan kata sifat bantu yang sesuai. Contoh seperti berikut :

Bil	Kata Kerja Pasif	Kata Nama Perbandingan
1	(رُكِبَ الْقِطَارُ) (dinaiki keretapi itu)	(الْقِطَارُ أَيْسَرُ رُكُوبًا مِنَ السَّيَارَةِ) (keretapi lebih mudah dinaiki berbanding dengan kereta)

4.3.3.4. KK statik dan KK yang maknanya tidak boleh dibandingkan

- i) KK statik adalah KK yang ditengah terus untuk diterbitkan KN perbandingan samada secara langsung dengan perkataan itu sendiri atau dikaitkan dengan perkataan lain di dalam ayat kerana ianya tidak ada kata sumber yang boleh dibawa kata sifat bantu dan juga tidak

boleh diinfleksikan.

- ii) KK yang tidak menunjukkan perbandingan juga ditegah daripada menerbitkan KN perbandingan, samada secara terus atau dikaitkan dengan kata sumber bersama dengan kata sifat bantu. Walau bagaimanapun, kalau terdapat tanda-tanda ada sedikit makna yang menunjukkan perbandingan, maka harus juga dibentuk KN perbandingan Contoh sebagaimana di dalam ayat di bawah :

(تِلْكَ الْجَمَاعَةُ أَمْوَاتٌ مِّنْ غَيْرِهَا)

(Kumpulan itu lebih (banyak) mati daripada golongan lain).

Perkataan (أَمْوَاتٌ = lebih mati) adalah KN perbandingan daripada KK (مَاتَ = mati) yang maknanya tidak menunjukkan perbandingan, tetapi oleh kerana di dalam ayat itu mempunyai maksud yang ada tanda-tanda perbandingan maka haruslah juga dibentuk KN perbandingan. Begitu juga kalau ada perkataan lain yang berkaitan dengan KK yang tidak menunjukkan makna berbandingan, tetapi boleh difahami makna perbandingan harus juga dibentuk KK perbandingan tetapi dalam bentuk ayat . Contohnya

(إِنَّ مَوْتَ الشَّبَابِ أَفْجَعٌ مِّنْ مَوْتِ الشَّيوُخِ)

Maksudnya : Sesungguhnya kematian orang-orang muda lebih pilu daripada kematian orang-orang tua.

Perkataan (أَفْجُورْ) adalah sebagai pengait atau penghubung yang boleh diberi makna perbandingan antara dua kematian, iaitu kematian orang-orang muda dengan kematian orang-orang tua.

4.3.4. BENTUK PEMAKAIAN KN PERBANDINGAN DALAM AYAT BAHASA ARAB

KN Perbandingan boleh dipakai di dalam ayat dalam empat bentuk utama :-

4.3.4.1. KN Perbandingan yang tidak disertakan dengan (الْ) dan tidak menjadi sandaran (الإِضَافَةُ)

Apabila KN Perbandingan dalam keadaan ini wajib, ianya hadir dalam bentuk kata tunggal, bergenous maskulin dan didatangkan selepasnya partikel Jarr “ min ” (مِنْ) samada kehadiran “ min ” secara “ nyata ” atau secara “ andaian ”. Keadaan ini boleh dilihat dalam contoh-contoh berikut :-

- 1 - خَالِدٌ أَفْضَلُ مِنْ سَعِيدٍ (maskulin / tunggal)
Maksudnya : Khalid lebih baik daripada Said.
- 2 - فَاطِمَةٌ أَفْضَلُ مِنْ سَعَادٍ (feminin / tunggal)
Maksudnya : Fatimah lebih baik daripada Su'ad.
- 3 - مُحَمَّدٌ وَمَارْيَمٌ أَفْضَلُ مِنْ سَعِيدٍ (maskulin / dual)
Maksudnya : Dua orang Mohamad itu lebih baik daripada Said.
- 4 - فَاطِمَتَانٍ أَفْضَلُ مِنْ سَعَادٍ (feminin / dual)
Maksudnya : Dua orang Fatimah itu lebih baik daripada

Su'ad.

5 - (المُجَاهِدُونَ أَفْضَلُ مِنَ الْقَاعِدِينَ) (maskulin / jamak)

Maksunya : Pejuang-pejuang (lelaki) itu lebih baik daripada orang yang duduk (tidak berjuang)

6 - (الْمُتَعَلِّمَاتُ أَفْضَلُ مِنَ الْجَاهِلَاتِ) (feminin / jamak)

Maksudnya : Orang-orang yang belajar (perempuan) itu lebih baik daripada orang yang jahil (P)

Dalam kesemua contoh di atas, perkataan KN Perbandingan hadir dalam bentuk kata tunggal maskulin dan kedudukannya di dalam ayat sebagai predikat. Subjek di dalam contoh-contoh di atas datang berbeza-beza. Dalam contoh (1) subjeknya maskulin tunggal, contoh (2) feminin tunggal, contoh (3) maskulin dual, contoh (4) feminin dual, contoh (5) maskulin jamak, dan dalam contoh (6) feminin jamak. Jadi, dalam keadaan ini KN Perbandingan mesti hadir dalam bentuk kata tunggal maskulin, walau bagaimanapun subjeknya hadirdalam berbagai bentuk genus dan bilangan. Keadaan subjek dan predikat yang mensyaratkan kedua-duanya mesti mempunyai ciri-ciri persamaan **(المطابقة)** dari sudut bilangan dan genus, sudah tidak boleh dipakai lagi.

Contoh kehadiran min (مِنْ) secara “ andaian ” ialah seperti dalam firman Allah (S.W.T).

(وَالآخِرَةُ خَيْرٌ أَبْيَقٌ)

Maksudnya : kehidupan di Akhirat lebih baik dan lebih kekal.

Di dalam contoh di atas min (من) tidak hadir secara “ nyata ”, malah hadir dalam bentuk “ andaian ” yang boleh difahami melalui ayat tersebut. Andaianya ialah :

(وَالآخِرَةُ خَيْرٌ مِّنَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَأَنَّىٰ مِنْهَا)

Maksudnya : Kehidupan di Akhirat lebih baik daripada kehidupan di dunia dan lebih kekal daripada dunia.

Jadi (من) Jarr dan benda yang kena banding (المفْضُولُ عَلَيْهِ) tidak disebut secara nyata, tetapi ayat tidak menjadi jangkal dan tergantung sekiranya perkara yang di andainya itu boleh hadir dalam bentuk nyata.

(Syekh Mustafa Ghalāyīnī , juzu' 1 , 1987 : 196)

4.3.4.2. KN Perbandingan Yang Disertakan Dengan Fonem (ال)

KN Perbandingan yang disertakan dengan (ال) yang hadir dalam bentuk ayat perlu mematuhi beberapa perkara yang berkaitan dengan persamaan (المطابقة)

Iaitu lima perkara :-

- 1 - Sama-sama tunggal
- 2 - Sama-sama Dual
- 3 - Sama-sama Jamak
- 4 - Sama-sama Maskulin
- 5 - Sama-sama Feminin. (Sekh Mustafa Ghalāyīnī , juzu' 1 , 1987 : 197).

Contoh-contoh boleh dilihat sebagaimana berikut :-

1 - (الأخ الأكبر ذكى) (Maskulin / tunggal)

Maksudnya : Saudara lelaki yang lebih besar itu cerdik

2 - (الاخت الكبرى ذكية) (Feminin / tunggal)

Maksudnya : Saudara perempuan yang lebih besar itu cerdik.

3 - (العالمان الأكرمان مجتهدان) (Maskulin / Dual)

Maksudnya : Kedua-dua orang alim yang amat mulia itu rajin.

4 - (العالمتان الفضليان مجتهدان) (Feminin / Dual)

Maksudnya : Kedua-dua orang alim yang amat mulia itu rajin.

5 - (المهندسون الأكرمون مجتهدون) (Maskulin / Jamak)

Maksudnya : Jurutera-jurutera (L) yang amat mulia itu rajin

6 - (الأخوات الكبريات ذكيات) (Feminin / Jamak)

Maksudnya : Saudara-saudara perempuan yang lebih besar itu cerdik. (Fu'ad Ni'mat, juzu', 1973 : 50)

Dalam contoh-contoh di atas, KN Perbandingan mempunyai ciri-ciri persamaan dengan kata tonggak dari sudut jantina, bilangan dan difinit. Keadaan ini apabila KN Perbandingan disertakan dengan fonem (ا ل) yang menjadikan perkataan-perkataan itu difinit. Selepas daripada itu tidak diizinkan kehadiran min (من) partikal Jarr, kerana tidak ada kesesuaian makna.

4.3.4.3. KN Perbandingan Yang Disandarkan Kepada KN Indifinit

(اِسْمُ النِّكَرَةِ)

Apabila perkataan KN Perbandingan disandarkan kepada kata nama indifinit, wajib ia hadir dalam bentuk kata tunggal dan maskulin, walaupun kata tonggak dan kata pelengkapnya terdiri daripada perkataan feminin, dual dan jamak.

Contoh : 1) (خَالِدٌ أَفْضَلُ قَائِدٍ) (Maskulin / tunggal)

Maksudnya : Khalid sebaik-baik pemimpin.

2) (فَاطِمَةٌ أَفْضَلُ اُمِّ رَأْمَةٍ) (Feminin / tunggal)

Maksudnya : Fatimah sebaik-baik wanita.

3) (هَذَانِ أَفْضَلُ رَجُلَيْنِ) (Maskulin / dual)

Maksudnya : Kedua-dua (L) ini sebaik-baik lelaki

4) (هَاتَانِ أَفْضَلُ اُمَّارَتَيْنِ) (Feminin / dual)

Maksudnya : Kedua-dua (P) ini sebaik-baik wanita.

5) (الْمُجَاهِدُونَ أَفْضَلُ رِجَالٍ) (Maskulin / jamak)

Maksudnya : Pejuang-pejuang (L) itu sebaik-baik lelaki.

6) (الْمُتَعَلِّمَاتُ أَفْضَلُ نِسَاءٍ) (Feminin / jamak)

Maksudnya : Pelajar-pelajar (P) itu sebaik-baik wanita.

(Syekh Mustafa Ghallayini , juzu' 1 , 1987 : 197).

Dalam contoh-contoh di atas menunjukkan KN Perbandingan hadir dalam bentuk yang sama walaupun kata tongan dan kata pelengkapnya hadir dalam berbagai-bagai bentuk. Ini kerana KN Perbandingan disandarkan kepada KN Indifinit dan ditegah menghadirkan partikel min (مِنْ) sebagai kata sendi di antara KN Perbandingan dengan perkara yang kena banding.

4.3.4.4. KN Perbandingan Yang Disandarkan Kepada KN Difinit (اُسْمُ الْعِرْفَةِ).

Apabila KN Perbandingan disandarkan kepada KN Difinit, maka harus bagi perkataan itu mempunyai dua bentuk :-

Pertama : Mempunyai ciri persamaan dengan kata tongan dari segi bilangan dan Genus

Contoh :-

1- (هُذَا أَفْضَلُ النَّاسِ) (Maskulin / dual)

Maksud : Mereka berdua (L) sebaik-baik manusia.

2- (هُؤُلَاءِ أَفْضَلُو النَّاسِ) (Maskulin / jamak)

Maksudnya : Mereka semua (L) sebaik-baik manusia.

3- (فَاطِمَةٌ أَفْضَلُ النِّسَاءِ) (Feminin / tunggal)

Maksudnya : Fatimah sebaik-baik wanita.

4- (هَاتَانِ فُضْلَيَا النِّسَاءِ) (Feminin / dual)

Maksudnya : Mereka berdua (P) sebaik-baik wanita.

5- (هُنَّ فُضْلَيَاتُ النِّسَاءِ) (Feminin / jamak)

Maksudnya : Mereka semua (P) sebaik-baik wanita.

Contoh-contoh di atas menunjukkan KN Perbandingan sama dengan Kata tunggak dari sudut bilangan dan genus. Ada pun kata pelengkap kesemuanya adalah kata jamak, tetapi ia bukan satu syarat, cuma mengikut kesesuaian ayat sahaja.

Kedua : Tidak ada persamaan di antara KN Perbandingan dengan kata tonggak.

Contoh :-

1- (عَلَيٌ أَفْضَلُ الْقَوْمِ) (Maskulin / tunggal)

(Ali ialah sebaik-baik di kalangan kaum)

2- (هَذَانِ أَفْضَلُ الْقَوْمِ) (Maskulin / dual)

(Kedua-dua ini (L) sebaik-baik di kalangan kaum)

3- (هُؤُلَاءِ أَفْضَلُ الْقَوْمِ) (Maskulin / jamak)

(Mereka ini (L) sebaik-baik di kalangan kaum.)

4- (فَاطِمَةٌ أَفْضَلُ النِّسَاءِ) (Feminin / tunggal)

(Fatimah ialah sebaik-baik wanita)

5- (هَاتَانِ أَفْضَلُ النِّسَاءِ) (Feminin / dual)

(Kedua-dua ini(P) ialah sebaik-baik wanita)

6- (هُنَّ أَفْضَلُ النِّسَاءِ) (Feminin / jamak)

(Mereka ini (P) ialah sebaik-baik perempuan)

Kesemua contoh di atas adalah ayat-ayat yang terdiri daripada kata tonggak yang berbeza dari sudut genus dan bilangan tetapi pemakaian KN Perbandingannya adalah sama pada semua ayat, iaitu genusnya maskulin dan bilangannya tunggal. Ini adalah kerana kata pelengkapnya atau perkara yang kena banding itu ialah KN difinit, maka ia harus dalam dua keadaan sebagaimana yang telah disebutkan.

4.3.5. KEDUDUKAN KN PERBANDINGAN DI DALAM AYAT

Hasil daripada kajian mengenai segala aspek KN Perbandingan, penulis mendapati kedudukan KN Perbandingan di dalam ayat pada tiga posisi utama. Iaitu sebagai kata “ tonggak ”, “sisipan” dan “kata bantu” atau pelengkap di dalam ayat. Di bawah ini akan diuraikan aspek-aspek tersebut :-

4.3.5.1. Sebagai Kata Tonggak

Kedudukan KN Perbandingan sebagai posisi tonggak di dalam ayat jarang ditemukan, tetapi walau bagaimanapun ianya boleh berlaku sesuai dengan

makna yang hendak disampaikan. Contohnya dapat dilihat dalam dua posisi utama, iaitu posisi subjek dan posisi pelaku (فَاعِلٌ).

a. Posisi Subjek.

Contoh :

(أَكْبَرُ الْمُحِيطَاتِ هُوَ الْمُحِيطُ الْهَادِي) 1)

Maksud : Sebesar-besar lautan ialah lautan Fasifik

2) (أَكْرَمُ النَّاسِ عِنْدَ اللَّهِ أَنْقَاهُمْ)

Maksud : Semulia-mulia manusia di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa dikalangan mereka.

3) (أَشَدُ الْبُلْدَانِ إِزِيدَحَاماً هِيَ الْهِنْدُ وَبَغْلَادِيشُ)

Maksud : Yang paling sesak di kalangan negara-negara.

(dunia) ialah negara India dan Bangladesh.

Di dalam contoh (1) didapati perkataan (أَكْبَرُ) ialah KN Perbandingan yang menjadi kata tonggak di dalam ayat tersebut. Ia merupakan subjek, manakala predikatnya dalam bentuk ayat namaan iaitu (هُوَ الْمُحِيطُ الْهَادِي)

Dalam contoh (2) didapati perkataan (أَكْرَمُ) adalah subjek yang menjadi kata tonggak di dalam ayat tersebut. Predikatnya ialah (أَنْقَاهُمْ), ia juga hadir dalam bentuk KN Perbandingan.

Contoh (3) adalah berbeza dengan dua contoh di atas kerana ianya terdiri daripada KN Perbandingan, pembantu kepada kata kerja (اَزْدَحَمْ =sibuk) yang tidak mencukupi syarat pembentukan KN Perbandingan kerana ia bukan terdiri daripada KK triliteral. Walau bagaimanapun kata bantu (أَشَدْ) boleh juga hadir dalam posisi kata tonggak di dalam sesuatu ayat.

b- Posisi Pelaku (فَاعِلٌ)

Contohnya :-

(فِي أَيِّ مُحِيطٍ تَّقُعُ أَعْمَقُ وَنَقْطَةٌ بَحْرِيَّةٌ)

Maksud : Di dalam lautan manakah terletaknya yang paling dalam dasarnya.

Contoh di atas perkataan (أَعْمَقُ) merupakan KN Perbandingan, kedudukannya di dalam ayat tersebut sebagai Pelaku kepada kata kerja (تَّقُعُ). Ayat yang seperti ini jarang ditemui di dalam bahasa Arab.

4.3.5.2. Sebagai Sisipan

Kedudukan KN Perbandingan sebagai sisipan di dalam struktur ayat ada posisi utama iaitu, posisi kata sifat, dan posisi sebagai predikat.

a- Posisi Kata Sifat

Biasanya KN Perbandingan hadir bersama dengan fonem (ال)

Contoh :-

- 1) (الْأَخُوكَبْرُ ذَكِيٌّ)
- 2) (الْأَخْتُوكَبْرِي ذَكِيَّةٌ)

Perkataan (الْكَبِيرُ) dan (الْأَكْبَرُ) adalah KN Perbandingan yang menjadi sisipan kata sifat di dalam kedua-dua ayat itu.

b- Posisi Predikat.

Kedudukan KN Perbandingan sebagai predikat selalu ditemui dalam bahasa Arab.

Contoh :-

- 1) (الْلُّغَةُ الْمَلَائِيَّةُ أَسْهَلُ مِنَ الْلُّغَةِ الْعَرَبِيَّةِ)

Maksud : Bahasa Melayu lebih mudah daripada bahasa Arab.

- 2) (مُحَمَّدٌ أَفْضَلُ قَانِدٍ)

Maksud : Mohamad ialah sebaik-baik pemimpin.

- 3) (مُحَمَّدٌ أَفْضَلُ النَّاسِ)

Maksud : Mohamad ialah sebaik-baik manusia.

4.3.5.3. Sebagai Kata Bantu (Pelengkap)

Kehadiran KN Perbandingan sebagai kata bantu atau pelengkap di dalam ayat adalah dapat dilihat seperti mana contoh berikut :-

- a- Posisi Sifat .

(تِلْكَ هِيَ الْقَاعِدَةُ الْكُبُرَىٰ)

Maksud : Itu ialah dewan yang besar.

- b- Posisi Pradikat.

(هَذَا الْكَاتِبُ أَشْهُرٌ)

Maksud : Penulis ini termasyhur.

(هُوَ لَاءُ التَّلَمِيذِ هُمُ الْأَوَانِلُ)

Maksud : Pelajar-pelajar itu ialah pelajar-pelajar cemerlang.

- c- Posisi Objek.

(رَأَيْتُ الْأَوَانِلَ)

Maksud : Aku lihat orang-orang cemerlang.

- d- Posisi Genetif.

(أَعْجَبْتُ بِالْأَوَانِلِ)

Maksud : Aku kagum dengan orang-orang cemerlang.

Di dalam contoh (a) menunjukkan KN Perbandingan yang kedudukannya sebagai kata sifat kepada predikat (القَاعِدَةُ). Manakala contoh (b) pula ialah KN Perbandingan sebagai predikat yang hadir dalam bentuk indifinit

(أشهداً) dan difinit (الأوائل). Dalam contoh (c) KN Perbandingan hadir dalam posisi objek dan dalam contoh (d) dapat dilihat ia hadir dalam posisi genetif. Kesemua contoh di dalam posisi-posisi di atas adalah kedudukan-kedudukan KN Perbandingan sebagai pelengkap kepada ayat di dalam bahasa Arab.

4.4. ADJEKTIF KEKAL (الصفة المشبهة)

Adjektif Kekal ialah kata sifat yang menunjukkan sifat yang kekal untuk sesuatu benda. Ia merupakan kata nama yang diterbitkan daripada kata sumber bagi menyatakan sesuatu sifat itu wujud secara berterusan dan berkekalan.

Contohnya seperti di dalam rajah berikut :

Bil	Adjektif Kekal	Makna	kata sumbernya	Makna
1	حسن	yang baik	الحسن	kebaikan
2	كريم	yang mulia	الكرم	kemuliaan
3	شجاع	yang berani	الشجاعة	keberanian
4	ظالم	yang zalim	الظلم	kezaliman

Adjektif kekal mempunyai ciri yang sama dengan KN Pelaku, dari sudut lafaz (bentuk) dan makna lafaz Adjektif kekal adalah sama dengan KN

Pelaku dari aspek penyambungan di hujung perkataan. Di mana kedua-duanya boleh disambungkan dengan huruf **Alif** dan **nūn** (ان), Alif dan **tā'** (ات) dan **wau** dan **nūn** (-ون) (Dr. Ghārīb Abdul Majid Nāfi', 1987 : 76)

Contoh seperti dalam rajah berikut :

Bil	Adjektif Kekal	KN Pelaku	Imbuhan Akhir
1	حَسَنَةٌ	ضَارِبَةٌ	ة (تاءُ التَّائِنِيَّةِ)
2	حَسَانٌ حَسَنَتَانِ	ضَارِبَانِ ضَارِبَتَانِ	ان (المُثَنَّى)
3	حَسَنَاتٌ	ضَارِبَاتٌ	ات (جَمْعُ الْمُؤْنَثِ السَّالِمِ)
4	حَسَنُونَ	ضَارِبُونَ	ون (جَمْعُ مُذَكَّرِ سَالِمٍ)

Dari aspek makna pula Adjektif Kekal dan KN Pelaku sama-sama membawa unsur-unsur makna yang sama iaitu menunjukkan zat atau diri pelaku dan memberi makna perkataan dan kelakuan atau peristiwa yang dilakukan.

Contoh seperti dalam ayat (مُحَمَّدٌ حَسَنٌ) yang bermaksud, Mohamad seorang yang baik dan ayat (مُحَمَّدٌ ضَارِبٌ) bermaksud, Mohamad seorang pemukul.

ضَارِبٌ = حَسْنٌ = Adjektif Kekal) dan (حَسْنٌ = KN Pelaku) di dalam ayat di atas memberi makna diri yang menjadi pelaku kepada kelakuan atau perbuatan *baik* (حَسْنٌ) dan *pukul* (ضَرِبٌ).

4.4.1. Wazan-wazan Adjektif Kekal

Dibentuk Adjektif Kekal daripada KK Triliteral secara qiyasi (berkaedah) adalah mengikut wazan-wazan seperti berikut :

- 1- Af 'al (u) (أَفْعُلُ)
- 2- Fa 'lān (u) (فَعَلَانُ)
- 3- Fa 'il (un) (فَعِيلُ)
- 4- Fa 'īl (un) (فَعِيلُ)

(Dr, Gharīb Abdul Majīd Nāfi‘ ,1987 : 76)

a. Wazan Af 'al (u) (أَفْعُلُ)

Adjektif Kekal berwazan Af 'al(u) adalah dibentuk daripada KK Triliteral tak transitif yang merujuk kepada warna, kecacatan dan perhiasan. Wazan itu adalah untuk maskulin, manakala feminin pula ialah Fa'lā' (u) (فَعَلَاءُ). Contoh-contohnya boleh dilihat seperti di dalam rajah di bawah :

Bil	Makna Umum	KK	Makna	Adjektif Kekal	Makna
1	Warna	حَمْرَاء / سُوْدَاء	Merah Hitam	حَمْرَاء / حَمْرَاء ^{أَحْمَرُ} سُوْدَاء / سُوْدَاء ^{أَسْوَدُ}	yang merah yang hitam
2	Kecacatan	عَمِيَّة / عَرِجَّ	Buta Pincang	عَمِيَّة / أَعْمَى ^{أَعْمَى} عَرِجَّ / أَعْرَجُ ^{أَعْرَجُ}	yang buta yang pincang
3	Perhiasan	كَحْلٌ	Mencelak (Mata)	كَحْلٌ / أَكْحَلُ ^{أَكْحَلُ}	yang mencelak (mata)

b. Wazan Fa 'lān(u) (فعلان)

Adjektif Kekal yang mengikut wazan Fa'lān(u) adalah terdiri daripada KK yang maknanya merujuk kepada kekosongan,kelimpahan (pemenuhan) dan emosi. Wazan feminin pula ialah Fa 'lā (فعلى) (Dr. Gharib Abdul Majid Nāfi' , 1987 : 78).

Contoh-contoh sebagaimana berikut :-

Bil	Makna Umum	KK	Makna	Adjektif Kekal	Makna
1	Kekosongan	عَطْشٌ	dahaga	عَطْشٌ / عَطْشَانٌ ^{عَطْشٌ}	orang yang dahaga
2	Pemenuhan	شَبَعٌ	kenyang	شَبَعٌ / شَبَعَانٌ ^{شَبَعٌ}	orang yang kenyang
3	Emosi	غَضِبٌ	marah	غَضِبٌ / غَضْبَانٌ ^{غَضِبٌ}	orang yang marah

c. Wazan Fa'il(un) (فعل)

Terbitan Adjektif Kekal mengikut wazan Fa'il(un) (فعل) ialah daripada kata kerja yang merujuk kepada makna “ *sakit* ”, samada sakit luaran atau sakit dalaman. Contohnya seperti perkataan (تَعْبٌ = yang penat), (وجع = yang sakit) dan (قُلْقٌ = yang keluh kesah) dan sebagainya.

d. Wazan Fa'ila(un) (فعلٍ)

Biasanya Adjektif Kekal yang berwazan Fa'ila(un) adalah terdiri daripada KK yang berwazan Fa'ula, Yaf 'ula (يَفْعُلُ، فَعَلٌ)

Contohnya seperti :

(كَرِيمٌ → كَرِيم)

(عَظِيمٌ → عَظِيم)

(جَمِيلٌ → جَمِيل)

(كَثِيرٌ → كَثِير)

dan sebagainya.

Selain daripada wazan-wazan tersebut Adjektif Kekal mempunyai banyak lagi wazan-wazan daripada KK yang triliteral digunakan, di antara lain ialah ;

1- Fa'alu(un) (فعل) seperti : بَطَلٌ = yang jagoh
حَسَنٌ = yang baik

- 2- Fu‘āl(un) (فعل) seperti : شَجَاعٌ = yang berani
- 3- Fa‘āl(un) (فعل) seperti : جَانٌ = yang penakut
- 4- Fa‘l(un) (فعل) seperti : ضَخْمٌ = yang besar
صَعْبٌ = yang susah
- 5- Fā‘il(un) (فَاعِلٌ) seperti : طَاهِرٌ = yang suci
- 6- Fu‘l(un) (فعل) seperti : مُلْبٌ = yang keras
- 7- Fu‘lān(u) (فعلان) seperti : عَرَيَانٌ = yang telanjang

Wazan-wazan di atas adalah, Samā‘i (سَمَاعِيَّ) iaitu nukilan-nukilan dari pertuturan orang-orang Arab.

4.4.2. Adjektif Kekal Daripada KK Bukan Triliteral

Dibentuk Adjektif Kekal daripada KK bukan triliteral adalah sebagai mana dibentuk KN Pelaku iaitu, mengikut kata timbang kata kerja kala kini, kemudian ditukarkan huruf mudhārō‘ah (imbuhan awalan KK kala kini) kepada huruf mim (م) yang berbaris dhomah (baris hadapan) dan kemudian dikasrahkan (baris bawah) pada huruf sebelum huruf akhir. Contoh seperti di bawah :-

Bil	KKkl	KKkn	Adjektif Kekal	Makna
1	اسْتَرَاحَ	يُسْتَرِيحُ	مُسْتَرِيحٌ مُسْتَرِيحُ الْبَالِ	yang tenang fikiran
2	اطْمَئِنَّ	يُطْمَئِنُ	مُطْمَئِنٌ مُطْمَئِنُ الْقَلْبَ	yang tenang fikiran / hati
3	انْشَرَحَ	يُنْشَرِحُ	مُنْشَرِحٌ مُنْشَرِحُ الصَّدِيرِ	yang lapang dada

4.5 KN HIPERBOLA (صِيَغَةُ الْمُبَالَغَةِ)

KN Hiperbola ialah kata nama yang menunjukkan sifat yang berlebihan untuk sesuatu benda. Ia merupakan KN Pelaku yang dihiperbolakan untuk menunjukkan bahawa sesuatu pekerjaan yang dilakukan oleh pelaku itu sebagai pekerjaan yang tetap dan kuat.

4.5.1. Bentuk-bentuk KN Hiperbola.

Semua bentuk wazan KN Hiperbola adalah nukilan (سَمَاعِي) semata-mata dan bukan qiasi (قِيَاسِي). Antara wazan-wazan yang masyhur ialah :

1- فَعْلٌ → حَذِيرٌ = Orang yang sangat berhati-hati.

2- فَعْوَلٌ → كُذُوبٌ = Yang sangat berbohong.

3- فَعْيَلٌ → رَحِيمٌ = Yang Maha Pengasihani.

- 4- فَعْلَةً → ضَحْكَةً = Yang banyak ketawa.
- 5- فَعَالٌ → ضَرَابٌ = Yang banyak memukul / kaki pukul
- 6- فِعْلٌ → صِدِيقٌ = Yang sangat benar.
- 7- مِفْعَالٌ → مِقدَامٌ = Yang sangat maju ke depan.
- 8- مُفْعِلٌ → مُعْطِيرٌ = Penjual minyak Atar.
- 9- فَعَالَةً → عَلَمَةً = Yang sangat alim.
- 10- فَعَالَةً → كَبَارَةً = Yang sangat besar.

(Antoine Dahdah, 1987 : 86)

4.6 KN TEMPAT DAN KN MASA (اِسْمُ الْمَكَانِ وَاسْمُ الزَّمَانِ)

Kata Nama Tempat (اِسْمُ الْمَكَانِ) ialah kata nama terbitan daripada kata sumber yang merujuk kepada tempat berlaku perbuatan atau peristiwa. Manakala Kata Nama Masa (اِسْمُ الزَّمَانِ) pula ialah kata nama terbitan daripada kata sumber yang merujuk kepada masa berlaku perbuatan atau peristiwa. Kedua-dua kata nama ini memakai kata timbang (wazan) yang sama, iaitu *maf' al(un)* (مَفْعُلٌ) dan *maf'il* (مَفْعِلٌ). Contoh KN Tempat dan KN Masa ialah seperti mana di dalam ayat berikut :

- 1- KN Tempat : (مَلْعُبُ الْكُرْبَةِ فَسِيجٍ) = Tempat bermain bola itu luas.
- 2- KN Masa : (مَوْعِدُ الْإِمْتِحَانِ أَوَّلُ يُولُوْيُوْ) = Masa peperiksaan ialah awal bulan Julai.

4.6.1. Bentuk-bentuk KN Tempat dan Masa.

Kata timbang maf'al(un) (مُفْعَلٌ) dipakai apabila kata kerja terdiri daripada :

1- Kata kerja yang huruf akhirnya terdiri daripada huruf vokal.

Seperti : (لَهِيٰ = lalai) dan (جَرَى = mengalir)

Bil	KK	Makna	KN Tempat/Masa	Makna
1	لَهِيٰ	Lalai	مَلْهَىٰ	tempat / masa lalai
2	جَرَى	Mengalir	مَجْرَىٰ	tempat / masa mengalir

2- Kata kerja yang 'ain (ع) huruf wazan ketika kala kini berbaris di atas (الفتح) atau berbaris di hadapan (الضمة). Contoh dapat dilihat seperti dalam rajah di bawah :

Bil.	KKkl	KKkn	Makna	KN Tempat/Masa	Makna
1	لَعْبَ	يَلْعَبُ	Bermain	مَلْعَبٌ	tempat/masa bernain
2	صَنْعٌ	يَصْنَعُ	Membuat	مَصْنَعٌ	tempat/masa membuat
3	كَتْبَ	يَكْتُبُ	Menulis	مَكْتَبٌ	tempat/masa menulis
4	دَخْلَ	يَدْخُلُ	Masuk	مَدْخَلٌ	tempat/masa masuk

Kata timbang maf'al(un) (مُفْعَلٌ) dipakai apabila kata kerja terdiri daripada :

1- Kata kerja kala kini yang huruf 'ain (ع) wazannya berbaris di bawah (الْكَسْرَةِ) . Contoh seperti berikut :

Bil.	KKkl	KKkn	Makna	KN Tempat/Masa	Makna
1	رَجَعٌ	يَرْجِعُ	Kembali	مَرْجِعٌ	tempat/masa kembali
2	نَزَلَ	يَنْزَلُ	Turun	مَنْزَلٌ	tempat/masa turun

2- Kata kerja yang huruf akhirnya huruf konsonan, tetapi huruf awalannya huruf vokal, seperti (وَعَدَ = berjanji) menjadi (مَوْعِدٌ = tempat/masa berjanji) , (وَلَدَ = beranak) menjadi (مُولَدٌ = tempat / masa beranak) dan sebagainya.;

Kesemua bentuk atau kata timbang KN Tempat dan KN Masa di atas adalah terdiri daripada kata kerja triliteral.

Untuk mebentuk KN Tempat dan KN Masa yang terdiri daripada kata kerja bukan triliteral ialah dengan melalui kata timbang yang sama dengan kata timbang KN Objek yang kata kerjanya bukan triliteral. Contohnya seperti mana dalam rajah di bawah :

Bil	KKkl	KKkn	Makna	KN Tempat/Masa	Makna
1	اجْتَمَعٌ	يَاجْتَمِعُ	Berhimpun	مُجْتَمِعٌ	tempat/masa berhimpun
2	أَسْتَشْفَى	يَأْسْتَشْفِى	Merawat	مُسْتَشْفِى	tempat/masa merawat

4.7. KN ALAT (اِسْمُ الْآَلَةِ)

KN Alat adalah salah satu dari pada kata nama derivasi kecil yang diterbitkan daripada kata sumber yang merujuk kepada alat bagi sesuatu perbuatan. Misalnya مِفْتَاحٌ = alat membuka (kunci) , مِزْمَارٌ = alat musik dan sebagainya.

4.7.1. Bentuk-bentuk KN Alat

KN Alat mempunyai beberapa kata timbang dan yang paling popularnya ada tiga sahaja iaitu, Mif 'al(un) (مِفْعُلٌ), Mif 'äl(un) (مِفْعَالٌ) dan mif 'alat(un) (مِفْعَلَةٌ) (Dr. Gharib Abdul Majid Nafi' , 1987 : 111). Ketiga-tiga kata timbang tersebut adalah nukilan (سَمَاعِي) daripada pertuturan orang-orang Arab semata-mata. Contoh-contoh perkataan bagi kata timbang tersebut ialah seperti berikut :

Bil.	Kata timbang	KN Alat	Makna
1	مِفْعُلٌ	مِبَرْدٌ مِحْلَبٌ مِنْقَبٌ مِنْجَلٌ	Alat kikir Alat perah susu Alat penebuk lubang Alat cangkul
2	مِفْعَالٌ	مِفْتَاحٌ مِنْشَارٌ مِيزَانٌ مِرْأَةٌ	Alat membuka (kunci) Gergaji Alat penimbang Cermin tilik (Alat melihat)
3	مِفْعَلَةٌ	مَكْنَسَةٌ مَجْرَفَةٌ مَسْطَرَةٌ مَطْرَقَةٌ	Penyapu (Alat menyapu) Alat menggali Pembaris Alat Pemukul (tukul)

4.7.2. Pandangan Ahli Linguistik Tentang KN Alat

Ahli morfologi telah berselisih pendapat mengenai dengan KN Alat, dari sudut *qiāsi* (berkaerah) dan *samā'i* (nukilan). Terdapat tiga pendapat dan pandangan mengenai KN Alat, iaitu :

- 1- Pendapat yang mengatakan bahawa KN Alat beserta wazannya adalah nukilan daripada pertuturan orang-orang Arab semata-mata.

- 2- Pendapat yang kedua menyatakan bahawa, wazan (مُفْعَلٌ) dan (مُفْعَلٌ) adalah *qiāsi*. Selain daripada wazan ini adalah *samā'i*.
- 3- Pendapat yang ketiga iaitu pendapat **jumhūr** (majoriti) di kalangan ahli morfologi Arab mengatakan, ketiga-tiga kata timbang , iaitu (مُفْعَلٌ), (مُفْعَلَةٌ) dan (مُفْعَلَةٌ) adalah *qiāsi*. Pendapat ini telah dipersetujui oleh Dewan Bahasa Mesir tetapi ia cuba mengambil jalan tengah dengan menyatakan ” Kaedah pembentukan KN Alat daripada KK triliteral ialah, mengikut kata timbang (مُفْعَلٌ), (مُفْعَلَةٌ) dan (مُفْعَلَةٌ) . Mana-mana perkataan yang tidak dinukilkhan daripada orang-orang Arab, maka harus ditimbangkan dengan kata timbang tersebut. (Dr. Gharīb Abdul Majīd Nāfi' , 1987 : 115). Dewan Bahasa Mesir juga telah bersetuju menggunakan kata timbang (فَعَالَةٌ) untuk KN Alat seperti dalam contoh berikut : (ثَلَاجَةٌ = peti sejuk / alat penyejuk), (غَسَالَةٌ = mesin basuh / alat membasuh), (شَوَّالِيَةٌ = alat membakar) dan (خَرَامَةٌ = alat penebuk lubang) (Fu 'ad Ni'mat , 1973 : 52).